



# Sosialis



## SISTEM PILIHANRAYA PERLU DIPERBAHARUI

Baca lanjut di m/s 8 & 9




**Ladang Bangi  
sambut kemenangan**

> m/s 5



**Pemandu lori  
menang kes  
terhadap KWSP**

> m/s 11



**Ibu yang bekerja  
& penjagaan  
kanak-kanak**

> m/s 6 & 7

## Jangan harapkan politik oportunis

Baca lanjut di m/s 14

## DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

**Parti Sosialis Malaysia (PSM)** adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

### Bendera dan lambang

Lambang parti ialah geng-gaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.



### Matlamat PSM

- Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrisi dan kepalsuan.
- Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan pencapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya.
- Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.

- Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.
- Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan peminasaan.
- Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

### Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama:  
Parti Sosialis Malaysia  
No. Akaun Maybank:  
512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.

## DARI MEJA PENGARANG

PSM memulakan jelajah ke kawasan-kawasan bakal bertanding bermula bulan September ini, untuk menyampaikan penerangan kepada rakyat umum tentang keperluan untuk membina alternatif kiri dari sekarang juga.

Negara kita sedang dilanda dengan pelbagai masalah serius, korupsi, kronisme, penyelewengan kuasa, penggadaian kepentingan rakyat kepada kuasa korporat, pemberhentian kerja, ketidakadilan sosial dan ancaman kegawatan ekonomi yang berterusan. Masalah masyarakat kita yang serius ini berpunca daripada sistem kapitalis yang hanya mengutamakan keuntungan korporat. Kita perlu mencabar sistem yang tidak adil ini dan mewujudkan alternatif yang benar-benar menjamin kesejahteraan bersama untuk masyarakat kita.

PSM walaupun masih merupakan sebuah parti politik yang kecil, tidak akan memenangi banyak kerusi dalam pilihanraya umum akan datang, tetapi kami bertekad untuk membina alternatif politik yang dapat membebaskan rakyat daripada segala bentuk penindasan dan pemerasan, melalui proses pemerasaan rakyat dari bawah. Hanya rakyat yang sedar pada hak asasi, faham tentang punca permasalahan masyarakat dan berkeyakinan bahawa rakyat itu mampu membawa perubahan,

barulah dapat kita membentuk satu alternatif yang dapat menggantikan rejim pemerintahan yang penuh dengan kepincangan pada hari ini.

PSM bersedia bekerjasama dengan mana-mana parti politik pembangkang yang mempunyai halatuju untuk membina masyarakat yang lebih demokratik, adil dan saksama. Oleh itu, PSM tetap akan menyokong usaha untuk menggantikan rejim UMNO-BN sebagai satu langkah ke depan. PSM sedia membentuk kerjasama pilihanraya dengan parti-parti pembangkang termasuk Pakatan Harapan di kawasan yang ditandingi PSM untuk mengelakkan pertandingan pelbagai penjuru. Namun, perkara ini hanya dapat wujud sekiranya ada rundingan yang dijalankan secara ikhlas, telus dan adil.

Walau bagaimanapun, sekiranya kita hanya menaruh harapan sepenuhnya kepada satu pilihanraya untuk mengubah nasib rakyat dan masyarakat kita, ianya hanya merupakan satu perjudian politik yang tidak bermakna untuk jangka masa panjang. Kita perlu bincang tentang halatuju masyarakat kita, dasar jenis apa yang perlu diwujudkan untuk melindungi kesejahteraan rakyat daripada ancaman krisis ekonomi kapitalis, dan juga bagaimana kita dapat memperkasakan rakyat supaya rakyat tidak lagi perlu bergantung pada elit politik. Ini adalah proses politik yang berterusan. ##

# Langganlah Akhbar Sosialis sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar **SOSIALIS** Bahasa Melayu)

Nama: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

Telefon: \_\_\_\_\_

Faks: \_\_\_\_\_

E-mel: \_\_\_\_\_

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama  
**PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**

140A, Jalan Sultan Abdul Samad,  
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

Tel/Faks: 03-22762247

E-mel: [pusat@partisosialis.org](mailto:pusat@partisosialis.org)

Laman web: <http://partisosialis.org/>



## Segar akan bertanding di Batu Gajah



Dalam majlis makan malam yang dianjurkan oleh PSM Menglembu pada 25 Ogos lalu, telah diumumkan bahawa Kunasekaran Krishnan akan bertanding sebagai calon PSM di kawasan Parlimen Batu Gajah dalam Pilihanraya Umum akan datang.

Kunasekaran, atau lebih dikenali dengan nama panggilan Segar, merupakan seorang aktivis PSM yang sudah lama berkecimpung dalam gerakan perjuangan rakyat. Beliau merupakan penyelarasan untuk Gabungan Selamatkan Petani dan

Penternak Perak.

Selain Segar yang akan bertanding di kawasan Parlimen Batu Gajah, M. Sarasvathy (Timbalan Pengerusi PSM) akan bertanding di kawasan DUN Jelapang untuk kali ketiga dalam PRU-14; manakala dua orang aktivis daripada Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak, Chin Kwai Heng dan Chin Kwai Leong, akan bertanding di DUN Tronoh dan Menglembu masing-masing.



## Orang Asli Pos Piah bantah pembalakan

Masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan Pos Piah menghadapi ancaman terhadap kehidupan mereka oleh projek pembalakan yang akan dimulakan tidak lama lagi.

Masyarakat Orang Asli Pos Piah telah menghantar satu petisyen kepada Pejabat Menteri Besar Perak pada 22 Ogos lalu, dengan tuntutan pada Kerajaan Negeri Perak supaya membatalkan projek pembalakan di kawasan kampung mereka. Mereka juga menuntut pada Kerajaan Negeri supaya mengisytiharkan kawasan sekitar kampung mereka sebagai Tanah Adat.

Petisyen yang diserahkan kepada Pejabat Menteri Besar tersebut telah ditandatangani 309 orang penduduk kampung di kawasan yang terjejas oleh rancangan pembalakan.

Turut bersama memberi sokongan

kepada masyarakat Orang Asli Pos Piah, termasuk aktivis-aktivis PSM Sungai Siput, dan juga Orang Asli dari RPS Kemar dan Banun.

Sebelum itu, pada 12 Ogos lalu, 11 Orang Asli di Pos Piah, ditahan polis atas tuduhan bahawa mereka menghalang renjer hutan daripada Jabatan Perhutanan yang membuat kerja penandaan pokok di kawasan tanah adat Orang Asli di situ. Difahamkan bahawa renjer menandakan pokok untuk ditebang. Apabila Orang Asli di situ menyuarakan tentang kegiatan Jabatan Perhutanan dan menyatakan kepentingan pokok di situ untuk masyarakat Orang Asli, layanan yang diterima oleh Orang Asli tempatan adalah terus ditahan. Kesemua Orang Asli yang ditahan kemudian dibebaskan sehari selepasnya pada 13 Ogos lalu.



## Penternak ikan Kampung Bali minta SUHAKAM campurtangan selesai masalah pengusiran

39 orang penternak ikan hiasan dari Kampung Bali, Tronoh, Perak, telah menyerahkan satu memorandum kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) di Kuala Lumpur pada 15 Ogos lalu, dengan tuntutan pada SUHAKAM supaya campurtangan dalam menyelamatkan kawasan penternak ikan Kampung Bali yang sedang menghadapi ancaman pengusiran.

Turut hadir bersama dengan penternak dari Perak ialah M. Sarasvathy (Timbalan Pengerusi PSM), A. Sivarajan (Setiausaha Agung PSM) dan K. Kunasekaran (Penyelaras Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak).

Kesemua 39 orang peternak ikan hiasan Koi telah mengusahakan tanah seluas 162 ekar sejak tahun 1980-an. Aktiviti penternakan ikan hiasan ini dijalankan dengan pengetahuan pihak kerajaan dan juga mendapat bantuan agensi-agensinya kerajaan. Mereka telah menghasilkan lebih kurang 1-2 juta

ikan untuk kegunaan tempatan dan eksport ke luar negara. Namun, Kerajaan Negeri Perak telah memberikan hak milik tanah untuk keluasan sebanyak 25 ekar di situ kepada individu yang tidak ada kena mengena dengan aktiviti penternakan. Kini, pengusaha penternakan ikan yang sudah lama di situ sedang menghadapi ancaman pengusiran akibat tindakan rampasan tanah oleh Kerajaan Negeri.

Memorandum yang diserahkan penternak diterima oleh Pesuruhjaya SUHAKAM Jerald Joseph. Beliau berjanji akan melawat ke Kampung Bali dalam masa terdekat.

Menurut Sarasvathy, "Tanah adalah sumber kehidupan untuk petani dan penternak. Jadi, pihak SUHAKAM perlu mengadakan satu siasatan awam untuk memberi tekanan kepada kerajaan negeri dan menyelamatkan usaha pertanian di negeri Perak."

## Penduduk Jinjang Selatan halang pengusiran paksa



107 buah rumah peneroka bandar di Jinjang Selatan Tambahan diancam perobohan secara paksa, walaupun penduduk di situ masih berunding dengan Menteri Wilayah Persekutuan, Tengku Adnan.

Pada 2 Ogos lalu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) cuba masuk untuk mengusir secara paksa penduduk di situ. Aktivis PSM seperti Arutchelvan, Soh Sook Hwa, Nik Aziz Afiq dan ramai lagi berada di Kampung Jinjang Selatan Tambahan untuk memberi sokongan solidariti

kepada penduduk yang lawan pengusiran paksa.

Selepas satu proses rundingan dengan pihak DBKL, pengusiran terhadap penduduk Jinjang Selatan Tambahan telah ditangguhkan pada hari itu. DBKL hanya akan robohkan bengkel yang kosong.

Penduduk Jinjang Selatan Tambahan akan terus perjuangan mempertahankan rumah mereka daripada pengusiran paksa.

# Bebaskan ROS daripada Menteri Dalam Negeri

oleh S. Arutchelvan, AJK Pusat PSM

Beberapa minggu kebelakangan ini, dapat kita melihat bagaimana Pendaftar Pertubuhan (ROS) membuli parti DAP untuk mengadakan pilihanraya parti sekali lagi. Walaupun ini tidak dapat menggugat sebuah parti seperti DAP, tetapi ia adalah satu cara untuk mengalihkan pandangan kepada pilihanraya parti pada masa semua parti harus fokus pada pilihanraya umum negara.

Ini diikuti pula oleh tindakan Pendaftar Pertubuhan (ROS) baru-baru ini meminta logo Pakatan Harapan ditukar.

Tindakan ROS, yang diletak di bawah bidang kuasa Menteri Dalam Negeri, dalam kedua-dua isu ini memang menampakkan mereka telah mencampurtangan dalam urusan dalaman parti dan tujuannya tidak lain daripada mengucarkacirkan keputusan parti masing-masing.

PSM tidak hairan dengan tindakan ROS, dan PSM juga faham dan percaya semua yang dikatakan oleh DAP mengenai cara ROS beroperasi secara leka dan sebagainya adalah

benar belaka.

PSM dari dulu lagi telah berkempen menuntut supaya pengendalian pendaftaran parti politik harus diletak di bawah SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya). Di kebanyakan negara yang lain, penubuhan parti politik, logo mereka adalah melalui suruhanjaya pilihanraya yang bebas dan berkecuali.

Di Malaysia, parti politik dikawal oleh ROS yang diletak di bawah Menteri Dalam Negeri yang memang berperanan untuk mengkongkong parti politik dan merupakan salah satu senjata yang digunakan dengan sewenang-wenangnya.

Sebagai contohnya, apabila MIC bergelut antara dua puak, iaitu antara Dr. Subramaniam dan mantan Presiden G.Palanivel. Pihak ROS secara teknikal telah membolehkan puak Subramaniam untuk menjadi Presiden dan ini juga adalah kehendak Presiden UMNO Najib Razak. Dengan cara ini, puak Subramaniam terpaksa sentiasa akur pada kehendak Presiden UMNO.

PSM banyak berpengalaman

berurusan dengan ROS, di mana pelbagai birokrasi dikenakan secara sengaja untuk meletihkan kami. PSM mencatat sejarah dan mengambil masa selama 10 tahun untuk didaftarkan. PSM menjadi parti pertama dalam sejarah negara menyaman Menteri Dalam Negeri pada masa itu ke mahkamah. Sehari sebelum Mahkamah Persekutuan hendak mendengar kes kami, satu persetujuan dicapai untuk membenarkan PSM didaftarkan.

Harus juga kita sedar bahawa semasa Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn gagal membuka satu parti baru bernama UMNO Malaysia kerana disekat oleh Menteri Dalam Negeri pada masa itu yang tidak lain daripada Mahathir sendiri.

PSM dari dulu lagi menyarankan bahawa ROS harus dibebaskan daripada cengkaman Menteri Dalam Negeri dan kita harus letakkan parti politik di bawah kawalan Suruhanjaya Pilihanraya, di mana pendaftaran parti politik untuk bertanding dalam pilihanraya harus merupakan satu



proses yang telus, senang dan terbuka. Walau bagaimanapun, persoalan akan timbul sekali lagi adalah sejauh mana kebebasannya SPR. Ini memang satu isu, tetapi daripada segi struktur, ia sepatutnya lebih bebas dan berdikari daripada ROS.

Dalam demokrasi, kita tidak boleh meletakkan nasib parti politik pembangkang di bawah kawalan parti politik yang memerintah. ##

## Malindo Air buang pekerja sesuka hati



Dalam kenyataan yang dikeluarkan pada 24 Ogos lalu, Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM, mengecam tindakan syarikat penerbangan Malindo Air memecat kakitangannya selepas hanya beberapa minggu mengupah mereka.

Menurut Sivarajan, "kami difahamkan bahawa 17 orang pekerja sebelum ini telah dipecat hanya selepas 3 minggu melalui latihan. 17 orang pelatih yang memulakan latihan telah dipecat dalam tempoh masa 24 jam. Kami

telah dimaklumkan oleh Kesatuan Kebangsaan Anak-anak Kapal Kabin Penerbangan Malaysia (NUFAM) bahawa terdapat 30 orang lagi pekerja juga dibuang kerja selepas 3 minggu semasa mereka masih dalam sesi latihan."

"Pastinya pekerja ditawarkan kerja selepas melalui sesi temuduga yang komprehensif. Jadi, selepas menawarkan kerja kepada calon yang sesuai, mengapa pula pihak pengurusan Malindo 'secara tiba-tiba' mendapati mereka 'tidak sesuai' untuk kerja berkenaan?" Sivarajan mempersoalkan tindakan pembuangan kerja oleh Malindo itu.

"Ramai daripada pekerja ini meninggalkan kerja sebelum ini selepas ditawarkan kerja oleh Malindo, tetapi sekarang ini mereka ditendang keluar begitu sahaja selepas 3 minggu!"

"Pihak pengurusan perlu mematuhi prosedur yang sewajarnya sebelum memecat pekerja-pekerja, dan kami mengecam tingkah laku pihak pengurusan Malindo yang tidak bertanggungjawab ini," tegas Sivarajan.

Walaupun pekerja masih melalui latihan ataupun berada dalam tempoh percubaan, tetapi sebarang pemecatan pekerja perlu dilakukan dengan sebab dan alasan yang adil.

Tindakan Malindo Air yang sewenang-wenang ini menunjukkan amalan perburuhan yang tidak adil untuk pekerja.

PSM menyeru pada Kementerian Sumber Manusia supaya menyasat amalan pemecatan pekerja yang tidak adil ini oleh pihak pengurusan Malindo Air. Hak pekerja Malindo yang dibuli oleh pihak pengurusan Malindo perlu ditegakkan dan dilindungi. ##

## Pendedahan tentang Gatco

Dalam satu sidang akhbar khas yang diadakan pada 4 Ogos lalu, peneroka-peneroka Gatco telah membuat beberapa pendedahan dan mengemukakan persoalan berikut:

1. Dalam perjanjian jual beli (S&P) yang bertarikh 2 Disember 2004 dan surat bertarikh 12 Oktober 2004 oleh Tamarai Holdings Sdn Bhd (milik Lotus Group), telah jelas menyatakan bahawa peneroka asal Gatco ditawarkan tanah seluas 8 ekar. Mengapa sekarang mereka hanya ditawarkan 4 ekar?
2. Mengikut affidavit di Mahkamah, Lotus memberi 1,200 ekar tanah

kepada PKNNS (syarikat milik Kerajaan Negeri Sembilan) sebagai balasan mereka mendapat pajakan 99 tahun. Adakah ini sebab utama Lotus dan Kerajaan Negeri begitu rapat?

3. Pada tahun 1990, Mantan Menteri Besar Negeri Sembilan, Mohd Isa Samad, mengatakan bahawa 400 orang peneroka Gatco akan diberikan 8 ekar tanah dan penanaman semula akan dilakukan oleh agensi seperti RISDA. Tetapi Menteri Besar selepasnya pula mengatakan perkara yang sama kecuali

tanah yang ditawarkan adalah antara 2 hingga 4 ekar dan hanya 170 peneroka sahaja layak mendapatnya. Apa sudah jadi dengan janji MB sebelum ini?

4. Yang Dipertua Dewan Negara Vikneswara daripada MIC dan

Ketua Pemuda MIC telah menuntut Menteri Besar untuk memberhentikan semua pengambilan pokok getah dari tanah Gatco sehingga kes mahkamah selesai. Persoalannya adalah, adakah UMNO akan dengar cakap MIC? ##





# Majlis sambutan kemenangan perjuangan bekas pekerja Ladang Bangi

Jawatankuasa Bertindak Bekas Pekerja Ladang Bangi telah menganjurkan satu majlis sambutan kemenangan perjuangan perumahan pada 27 Ogos lalu di Ladang Bangi, Selangor.

24 keluarga bekas pekerja Ladang Bangi telah mendapat rumah percuma hasil daripada perjuangan selama 17 tahun. Ini adalah satu kejayaan yang signifikan setelah 4 generasi pekerja ladang membanting tulang, dan akhirnya mendapat satu rumah.

Tetamu khas yang hadir dalam majlis ini adalah Ambiga Sreenivasan, peguam terkenal yang pernah memimpin Gabungan BERSIH 2.0. Turut hadir termasuklah S. Arutchelvan (AJK Pusat PSM yang juga merupakan penasihat Jawatankuasa Bertindak Bekas

Pekerja Ladang Bangi yang bersama dalam perjuangan ini sejak ia bermula), A. Sivarajan (Setiausaha Agung PSM) dan M. Sarasvathy (Timbalan Pengerusi PSM).

Majlis dimulakan dengan satu perarakan dari Pekan Bangi Lama ke Ladang Bangi. Satu pameran tentang perjuangan Ladang Bangi juga diadakan di situ. Para bekas pekerja ladang yang terlibat dalam perjuangan ini juga menyampaikan ucapan.

Kemenangan perjuangan bekas pekerja Ladang Bangi untuk perumahan merupakan satu kemenangan yang penting, dan akan memberi satu semangat tinggi kepada pekerja-pekerja ladang yang masih sedang berjuang.

## Perjuangan 17 tahun yang berani dan berisiko

oleh Sekretariat PSM Semenyih

Semasa kami masih pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menyertai satu kumpulan pelajar – Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa/i (JKMI), Ladang Bangi merupakan salah satu ladang yang menjadi tumpuan aktiviti kami. Ladang ini terletak berhampiran dengan UKM. Kami menjalankan program pendidikan percuma untuk anak-anak di ladang itu, walaupun Bahagian Hal Ehwal UKM tidak pernah merestui sebarang aktiviti di luar kampus.

Setelah tamat pengajian, bekas ahli JKMI, termasuk saudara Arul, telah menubuhkan Pusat Pembangunan Masyarakat (CDC), untuk meneruskan kerja-kerja kebajikan yang kemudian berubah menjadi perjuangan kelas. Ini termasuklah perjuangan menuntut hak perumahan pekerja ladang yang diberhentikan kerja oleh majikan daripada syarikat gergasi seperti Sime Darby, Golden Hope dan sebagainya, di sekitar kawasan Kajang, Bangi dan Semenyih.

Pada hari ini, perjuangan hak perumahan bekas pekerja ladang di sekitar kawasan Kajang-Bangi-Semenyih menjadi hampir sempurna. Ini kerana bekas pekerja Ladang Bangi telah berjaya dalam perjuangan perumahan mereka setelah berjuang selama 17 tahun. Lebih 200 orang menghadiri Majlis Sambutan Kemenangan Bekas

Pekerja Ladang Bangi. Ucapan kemenangan ini bermula dengan perarakan dari simpang Jalan Bangi Lama hingga ke kawasan dalam ladang. Turut berarak bersama penduduk ladang adalah komuniti dari kawasan lain seperti Taman Permata Dengkil, Ladang Semenyih, Ladang Denudin, dan juga pemimpin PSM, Dato Ambiga serta ramai lagi.

Dalam majlis sambutan kemenangan yang penuh bermakna ini, saudara Balan, salah seorang pemimpin utama yang menerajui perjuangan ini, telah menceritakan pahit manis pengalaman beliau. Beliau merakamkan penghargaan kepada PSM, khususnya kepada saudara Arul, para peguam seperti Dato Ambiga dan saudara Mano serta mereka yang telah membantu dalam menjayakan perjuangan ini. Turut hadir dalam meraikan kemenangan ini adalah M. Sarasvathy (Timbalan Pengerusi PSM) dan Ganapati Rao (EXCO Kerajaan Negeri Selangor) yang turut menyampaikan ucapan semasa majlis.

Sebagai tanda penghargaan, setiap keluarga yang telah berjuang dengan berani sehingga berjaya telah diraikan dan diberikan cenderahati. Mereka juga telah memberikan ucapan ringkas.

Bagi mengetahui perjuangan ladang ini dengan lebih lanjut, saudara Arul yang telah bersama-sama dalam perjuangan ini telah menulis sebuah risalah tentang pengalaman perjuangan yang penuh liku-liku ini. ##



# Peneroka Sungai Siput mohon campurtangan MB Selesaikan segera isu tanah peneroka

PSM Sungai Siput bersama dengan Jaringan Peneroka Sungai Siput, telah menghantar memorandum pada 30 Ogos lalu kepada Pejabat Menteri Besar Perak untuk mendapatkan satu temujanji.

Wakil dari 8 buah kampung telah hadir bersama. Pegawai kanan Pejabat Menteri Besar Perak telah menerima memorandum dan berjanji akan bawa kepada perhatian pihak Menteri Besar.

Turut hadir bersama peneroka-peneroka Sungai Siput ialah Dr.

Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen Sungai Siput.

Jaringan peneroka Sungai Siput (U) yang terdiri daripada Kampung Benggali, Kampung Jalan Lintang, Kampung Veerasamy, Kampung Sungai Buloh, Kampung Perak Hydro, Kampung Bahari, Kampung Gopal dan Belakang Shing Chung, memohon kepada Menteri Besar Perak untuk menyelesaikan masalah tanah yang sudah berlarutan untuk selama 20 hingga 70 tahun.

Setakat ini, status tanah di Kampung Benggali, Jalan Lintang, Kampung Veerasamy, Kampung Sungai Buloh dan Belakang Shing Chung adalah tanah kerajaan. Di Kampung Veerasamy, hanya 25 buah rumah diberikan geran tanah ikut tempat tinggal sekarang, dan tinggal lagi 40 buah rumah masih belum

diselesaikan isu geran tanah. Manakala di Kampung Perak Hydro, Kampung Bahari dan Kampung Gopal yang merupakan tanah swasta, peneroka yang tinggal di situ memohon tanah lot di PA65728 yang terletak di belakang Pasaraya TF Sungai Siput (U). Jumlah peneroka yang memohon geran tanah kediaman adalah seramai 293 orang.

Semua peneroka pernah menghantar surat kepada Pejabat Tanah dan Daerah Sungai Siput dan Pejabat Menteri Besar Perak untuk berjumpa bagi menyelesaikan masalah ini. Pegawai-pegawai, termasuk Ketua Penolong Pegawai Daerah, pernah berjumpa dengan peneroka, tetapi masalah belum diselesaikan. Ada peneroka tinggal di tempat kediaman sekarang lebih

60 tahun, lebih lama daripada kemerdekaan negara kita.

Oleh itu, PSM menyeru pada Menteri Besar Perak supaya menyelesaikan masalah ini, demi menjadikan sambutan kemerdekaan itu benar-benar bermakna untuk rakyat tempatan di Sungai Siput. ##



Kampung	Status Tanah	Jumlah Pemohon
Kg Bahari	Tanah Swasta	15
Kg Belakang Shing Chung	Tanah Swasta	48
Kg Bengali	Tanah Kerajaan	62
Kg Gopal	Tanah Swasta	13
Kg Jalan Lintang	Tanah Kerajaan	25
Kg Perak Hydro	Tanah Swasta	48
Kg Sg Buloh	Tanah Kerajaan	42
Kg Veerasamy	Tanah Kerajaan	40

# Penjagaan kanak-kanak di tempat kerja

## keperluan wanita bekerja perlu diambil serius

oleh Hajjar Nurhayyu Zainal

Seiring dengan peredaran masa dan situasi ekonomi, penglibatan wanita dalam tenaga kerja di negara semakin meningkat. Menurut rekod sumber Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, peningkatan daripada 46% (2014) kepada 54% (2015) mewakili jumlah seramai 10.55 juta wanita produktif berumur antara 15 dan 64 tahun yang mana sebahagian besarnya menyumbang dalam sektor tenaga kerja. Peningkatan partisipasi wanita dalam sektor tenaga kerja negara hari ini sering dikaitkan dengan penambahan jumlah wanita yang berpendidikan serta berkelulusan tinggi tanpa mengambil kira realiti "iklim ekonomi" (*economic climate*) sebagai faktor yang mendorong wanita turut bekerja bagi menampung kos menyara keluarga. Buktinya, hanya sebilangan kecil wanita yang berada dalam pengurusan tertinggi dan bidang profesional berbanding wanita yang bekerja di peringkat bawahan. Desakan ekonomi, kos sara hidup yang tinggi membutuhkan wanita untuk turut bekerja dan memberi kontribusi dalam menampung kos serta keperluan menyara keluarga.

Namun, wanita bekerja sering berhadapan konflik serta dilema dalam pengurusan kerja dan rumahtangga selepas melahirkan anak, terutama bagi mereka yang memiliki ramai bilangan anak. Perkara ini bukan saja dilihat sebagai isu wanita semata bahkan ianya menjadi isu penting yang melanda kaum ibu bapa bekerja. Apabila seseorang pekerja wanita melahirkan atau mempunyai sebilangan anak, beban, keutamaan serta tumpuan sama sekali berubah dan seringkali, tuntutan pekerjaan yang ketat menyukarkan wanita mengurus komitmen peribadi (anak-anak) dan kesan daripada pertindihan kedua peranan ini, maka wanita dibelenggu tekanan yang kritikal.

Walaupun terdapat pelbagai khidmat penjagaan kanak-kanak (pengasuh datang ke rumah, menghantar anak ke rumah pengasuh atau di pusat penjagaan) tumbuh bak cendawan, namun ia masih tidak menyelesaikan persoalan-persoalan yang menjadi isu golongan pekerja wanita berstatus ibu. Pernahkah kita fikir bagaimana sukarnya bagi pekerja wanita yang



menyusukan bayi dengan susu ibu? Atau bagaimana jika jarak pusat penjagaan/rumah pengasuh agak jauh dari tempat kerja? Bayangkan ibu bapa yang bekerja terpaksa mengejar masa dan membuang minyak mengharungi kesesakan jalanraya untuk berulang-alik menghantar dan mengambil anak kemudian bergegas kembali tempat kerja. Sudah lah kos mengupah penjaga dan yuran pusat asuhan sangat mahal, ditambah pula dengan keletihan 'logistik' yang ditanggung setiap 5-6 hari seminggu. Ini belum lagi diambilkira kerisauan mereka terhadap keselamatan anak-anak memandangkan negara sering dikejutkan dengan pelbagai kes serius seperti kematian bayi di pusat asuhan akibat tersedak susu, kanak-kanak didera, dicabul dan sebagainya yang berlaku dari masa ke semasa melibatkan pengasuh dan rumah/pusat penjagaan kanak-kanak. Ini adalah faktor-faktor yang memaksa wanita mengambil keputusan untuk berhenti kerja selain kos penjagaan kanak-kanak menelan belanja hampir sebulan gaji salah seorang ibu bapa. Di rumah pula, wanita menanggung tekanan ekonomi bilamana kos membesarkan anak tidak setimpal dengan hasil pendapatan daripada seorang sahaja, memandangkan rancangan ekonomi hari ini memerlukan dua pendapatan isi rumah untuk menyara sebuah keluarga. Mungkin bagi segelintir wanita daripada golongan menengah dan elit, hal ini bukanlah isu besar, tetapi hal ini adalah sebaliknya bagi golongan wanita kelas pekerja

### Tiada sokongan organisasi di tempat kerja

Menyedari peningkatan bilangan wanita bekerja dan sumbangan mereka terhadap pembangunan sesebuah organisasi, maka organisasi perlu lebih prihatin dan menyediakan dasar yang relevan serta proaktif dalam usaha membantu pekerja wanita untuk mengimbangi peranan terhadap kerja dan kehidupan berkeluarga. Perlu diingatkan bahawa seseorang pekerja bukan hidupnya sekadar berperanan sebagai pekerja semata-mata, tetapi mereka adalah makhluk sosial yang memegang pelbagai peranan dalam kehidupan peribadi. Kebanyakan organisasi mengambil posisi

mudah dengan menganggap bahawa peranan sebagai ibu seseorang pekerja wanita adalah tugas peribadi yang mana tidak penting bagi sesebuah organisasi untuk memperhalusi keperluan golongan pekerja wanita ini.

Mengikut kajian seorang pakar bidang ekonomi dan pentadbiran, Surena Sabil, beliau menekankan bahawa dorongan kehidupan peribadi seorang pekerja membantu memotivasikan mereka sebagai pekerja berkualiti di samping memberi inspirasi penajaan idea-idea di tempat kerja dan secara tidak langsung mempromosikan produktiviti sesebuah organisasi. Ini menguatkan fakta bahawa impak kehidupan peribadi adalah pengaruh besar yang mendorong mutu dan *mood* seseorang pekerja. (rujuk kajian Lietchy & Anderson 2007)

### Hak penyusuan susu ibu di tempat kerja

Sokongan dan hak penyusuan susu ibu di kalangan wanita bekerja masih belum didasari oleh kerangka perundangan yang jelas dan ianya lebih kepada penekanan polisi oleh pihak Kementerian Kesihatan dan hospital. Golongan wanita hamil sering ditegaskan oleh pihak hospital untuk menyusui anak mereka dengan susu badan, tetapi polisi ini dilihat sebagai perkara yang membataskan pergerakan kaum ibu bekerja dan sukar dilestarikan, kerana tiadanya dasar yang melindungi hak penyusuan susu ibu di tempat kerja, maka ia hanya kekal sebagai isu peribadi yang bergantung atas pilihan dan usaha masing-masing, walhal penyusuan susu ibu dari sudut kesihatan amatlah penting bagi pertumbuhan dan imunisasi semula jadi bayi.

Walaupun hari ini terdapat pelbagai peralatan mengepam susu terjual di pasaraya, hakikatnya kaedah ini masih memerlukan pekerja wanita menggunakan masa kerja mereka kerana tempoh kerja 8 jam sehari memerlukan perahan susu sebanyak 2 hingga 4 kali. Penghasilan susu ibu amat bergantung kepada proses bekalan dan permintaan atau dengan bahasa mudahnya, makin banyak permintaan susu daripada bayi maka makin keraplah ibu mengosongkan payudara untuk penghasilan susu baru. Begitu juga situasinya bagi ibu yang bekerja, mereka perlu melakukan stimulasi yang sama dengan menjalankan aktiviti mengepam susu berulang kali. Atas dasar kesedaran betapa pentingnya penyusuan susu ibu kepada bayi, maka tidak hairanlah jika dilihat beberapa organisasi luar negara menyediakan bilik laktasi yang lengkap buat pekerja mereka. Namun, malangnya di Malaysia, sebahagian besar organisasi (walau atas nama pertubuhan wanita sekalipun) masih begitu pekat dengan prinsip patriarki dan gagal melihat wanita sebagai makhluk sosial yang mempunyai keperluan

asas yang berbeza dengan lelaki. Maka, tidak hairanlah mengapa sebahagian besar organisasi (kerajaan, korporat dan swasta) mengamalkan stereotaip yang sama dari sudut penyediaan kemudahan: tandas, surau, pantri dan sebagainya, kerana pada pemikiran mereka asalkan kemudahan sudah mencukupi bagi lelaki maka sudah memadai bagi perempuan

### Pusat Penjagaan di Tempat Kerja (*On Site Day Care*)

*On Site Day Care* atau Pusat Penjagaan di Tempat Kerja, adalah solusi efisien yang memenuhi keperluan wanita bekerja selain memberi banyak manfaat kepada sesebuah organisasi. Syor ini membentuk ruang waktu kerja yang lebih anjal dan membantu meningkatkan konsentrasi pekerja wanita untuk fokus dengan tugas kerja seterusnya mengimbangi waktu bersama anak-anak mereka.

### Kebaikan kepada ibu bapa bekerja :

- Membawa anak bersama-sama pergi ke tempat kerja dapat menjimatkan masa (hantar-ambil) dan mendorong pekerja tiba di pejabat lebih awal selain dapat mengelakkan kos upah pengasuh atau yuran penjagaan yang mahal.
- Mempromosikan ketenangan fikiran (kesihatan mental): Beban dan tekanan wanita sebagai seorang ibu dan wanita moden yang bekerja secara tidak langsung berkurang terutama kerisauan memikirkan penjagaan dan keselamatan anak-anak yang ditinggalkan di rumah bersama pengasuh/orang gaji mahupun di pusat penjagaan berbayar.
- Memudahkan pekerja wanita untuk memantau kebajikan (makan dan minum) dan keselamatan anak-anak mereka, misalnya jika berlaku sebarang kecemasan (sakit dan sebagainya), mereka akan dimaklumkan segera dan boleh bergegas ke pusat penjagaan di tempat kerja untuk memberi bantuan atau bertindak.
- Meningkatkan masa bersama anak: Memberi ruang untuk wanita meluangkan masa bersama anak-anak mereka seperti makan bersama di waktu pagi, tengahari dan rehat, atau masuk ke bilik menyusu untuk bayi mereka.
- Membantu kaum wanita bekerja menjalankan tugas dengan lebih produktif, mengurangkan peratusan jumlah wanita berhenti kerja selepas melahirkan/mempunyai sebilangan anak di samping menggalakkan wanita menceburkan diri dalam dunia pekerjaan.

(sambung di m/s 7)





# Ibu yang bekerja, penjagaan kanak-kanak dan kerja pengurusan rumahtangga

Wanita yang bekerja menghadapi tekanan dan cabaran yang lebih hebat berbanding dengan pekerja lelaki kerana masih wujudnya amalan dan sistem patriarki dalam masyarakat kita. Malah, untuk pekerja wanita yang mempunyai anak kecil, cabaran yang dihadapi adalah lebih besar lagi.

Pihak majikan mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan keadaan tempat kerja yang kondusif bagi pekerja-pekerja, termasuklah pekerja yang juga merupakan kaum ibu. Namun, dalam ekonomi pasaran di mana golongan korporat bersaing untuk memaksimumkan keuntungan, seringkali hak pekerja diketepikan kerana perlindungan hak pekerja dianggap sebagai sesuatu yang akan menambahkan kos perniagaan. Oleh itu, kerajaan mempunyai peranan yang penting untuk melakukan intervensi dan memastikan pihak korporat melindungi hak pekerja, termasuklah hak pekerja wanita, dengan memperkenalkan langkah-langkah perundangan yang sewajar.

Intervensi kerajaan dalam menjamin hak pekerja yang merupakan kaum ibu, boleh dilakukan dalam beberapa peringkat seperti berikut:

- Penyediaan kemudahan mesra ibu untuk semua pekerja kerajaan.
- Pengubalan undang-undang berkaitan dengan kemudahan penjagaan kanak-kanak.
- Penyediaan kemudahan penjagaan kanak-kanak secara percuma dan menyeluruh.
- Pengiktirafan kerja pengurusan rumahtangga dan bayar upah sosial untuk "kerja rumahtangga".

Perkara paling minimum yang boleh dilakukan kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan

Negeri ataupun Kerajaan Tempatan, adalah menyediakan kemudahan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja, untuk semua jabatan kerajaan dan syarikat milik kerajaan. Kemudahan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak ini patut dinikmati oleh semua kakitangan kerajaan dan pekerja kontrak (seperti pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan) yang bekerja di jabatan kerajaan. Kemudahan sebegini boleh mengurangkan tekanan pekerja kerajaan yang mempunyai anak kecil dan meningkatkan semangat mereka untuk berkhidmat pada masyarakat.

Kerajaan juga harus menyediakan bilik khas untuk penyusuan ibu di semua bangunan kerajaan, di mana kemudahan ini boleh digunakan oleh pekerja kerajaan dan juga pelawat yang membawa anak kecil yang perlukan penyusuan ibu.

Hanya dengan adanya kemudahan penjagaan kanak-kanak untuk pekerja kerajaan masih tidak mencukupi, kerana majoriti pekerja di negara kita berada di sektor swasta. Maka, adalah perlu untuk kerajaan membuat perubahan dari segi perundangan, sama ada dengan menggubal akta di peringkat Persekutuan, atau enakmen di peringkat negeri, ataupun undang-undang kecil di peringkat tempatan, supaya mensyaratkan semua firma atau syarikat swasta yang mencapai saiz ekonomi tertentu (misalnya mempunyai jualan tahunan sekurang-kurangnya RM 20 juta, atau mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa sekurang-kurangnya 75 orang) untuk menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja.

Walau bagaimanapun, bukan semuanya semua firma dan syarikat


dapat menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (SME), kerana ianya akan memakan nisbah kos yang tinggi untuk syarikat SME ini berbanding dengan syarikat korporat besar. Oleh itu, untuk peringkat selanjutnya, kerajaan perlu mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak komuniti yang percuma untuk semua rakyat yang memerlukannya.

Pusat penjagaan kanak-kanak yang diuruskan kerajaan boleh disediakan di kawasan perumahan yang diduduki pekerja ataupun di kawasan di mana tertumpunya tempat-tempat kerja. Kajian boleh dilakukan untuk mengenalpasti tempat mana yang lebih sesuai untuk diwujudkan pusat penjagaan kanak-kanak sebegini. Perkhidmatan ini harus dijadikan percuma, supaya semua orang tanpa mengira status pendapatan, boleh mengakses dan menggunakannya.

Pusat penjagaan kanak-kanak yang percuma untuk semua rakyat, mesti memakan kos juga kan? Siapa yang membayarnya? Semestinya, ini boleh dilakukan dengan mengalihkan sebahagian peruntukan kerajaan untuk kemudahan ini. Pendapatan kerajaan boleh ditingkatkan dengan mengenakan kadar cukai yang lebih tinggi untuk golongan yang kaya, khususnya korporat besar dan golongan mahakaya. Golongan yang mahakaya masih akan kaya lagi apabila cukai terhadap pendapatan mereka dinaikkan, berbeza dengan golongan rakyat marhaen di mana hidup menjadi lebih susah dengan adanya cukai GST. Penggunaan cukai ke atas golongan kaya dalam menyediakan kemudahan asas yang mempertingkatkan kualiti hidup semua rakyat, merupakan sejenis bentuk pengagihan semula kekayaan yang dapat menjamin kesejahteraan masyarakat.

Kerajaan perlu mengupah penjaga untuk bekerja di pusat-pusat penjagaan kanak-kanak. Maka, ini juga akan mewujudkan peluang pekerjaan. Golongan pekerja pusat penjagaan kanak-kanak yang diberi latihan yang sesuai dan dibayar gaji yang sewajarnya, boleh menjadi sebahagian penting dalam kesinambungan ekonomi domestik.

Jika kita melangkah ke peringkat yang lebih lanjut lagi, kita perlu menyedari tentang hakikat kerja pengurusan rumahtangga (*homemaking*) yang biasanya dilakukan oleh kaum wanita yang tidak bekerja, sebenarnya juga merupakan satu bentuk kerja yang menggunakan tenaga buruh manusia. Wanita yang berkeluarga dan beranak, khususnya yang mempunyai ramai anak dalam usia yang kecil, tidak dapat pergi bekerja di luar dan terpaksa menjaga kanak-kanak di rumah di samping melakukan kerja-kerja rumahtangga (seperti membersihkan rumah, memasak, mencuci baju dan menjaga kanak-kanak), tanpa dibayar apa-apa upah. Suri rumahtangga ini bagaikan pekerja percuma untuk golongan suami. Lebih teruk lagi, untuk keluarga berpendapatan rendah (B40), situasi kehidupan



untuk suri rumahtangga adalah lebih perih lagi.

Oleh itu, kerja pengurusan rumahtangga perlu juga diiktiraf sebagai sejenis pekerjaan, dan sesiapa yang melakukan kerja ini patut juga dibayar ganjaran yang setimpal dengan usaha yang ditaburkan. Kita perlu sedar bahawa, kerja rumahtangga dan penjagaan kanak-kanak adalah asas kepada semua kerja pengeluaran industri dalam masyarakat moden kita ini. Kerja-kerja ini adalah penting untuk masyarakat secara keseluruhan dan tidak boleh dielakkan, maka adalah tidak adil untuk kita memeras tenaga buruh suri rumahtangga yang melakukan kerja-kerja ini tanpa dibayar apa-apa pun.

Kerajaan boleh memberikan "elaun kerja" kepada salah seorang pasangan keluarga beranak yang tidak bekerja di luar, pada kadar gaji minimum, sebagai pengiktirafan kerja rumahtangga dan penjagaan kanak-kanak yang dilakukannya. (Dalam sesuatu keluarga, tidak semestinya wanita yang menjadi suri rumahtangga, lelaki pun boleh melakukan kerja rumahtangga dan penjagaan kanak-kanak sementara pasangan wanitanya bekerja di luar.) Pemberian ini bukannya bantuan seperti BR1M, tetapi "upah" kepada kerja-kerja yang dilakukan seseorang. Ini boleh dikenali sebagai upah kerja rumahtangga, ataupun upah sosial.

Upah kerja rumahtangga untuk salah seorang pasangan keluarga beranak yang tidak bekerja di luar, boleh menjamin kuasa beli masyarakat dan mengemukakan pasaran domestik untuk pertumbuhan ekonomi.

Bagi keluarga di mana kedua-dua pasangan suami isteri itu pun keluar bekerja, jika ada anak kecil, boleh ditempatkan di pusat penjagaan kanak-kanak, ataupun kerajaan boleh menyediakan penjaga rumah untuk melakukan kerja-kerja rumahtangga dalam satu tempoh masa tertentu sehari. Sekali lagi, langkah sebegini dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Penjagaan kanak-kanak dan kerja rumahtangga, bukannya perkara yang remeh, tetapi merupakan tunjang kepada masyarakat kita untuk berfungsi seperti biasa. Sekiranya kita tidak mengambil langkah-langkah konkrit untuk menangani cabaran yang dihadapi khususnya oleh kaum wanita dalam isu penjagaan kanak-kanak dan kerja rumahtangga, tidak mungkin kita dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera dan berpenyayang. ##

(sambung dari m/s 6)

## Kebaikan kepada organisasi

- Mengurangi masalah disiplin yang meliputi kelewatan ke tempat kerja dan ketidakhadiran.
- Menurunkan kadar kerugian syarikat bagi proses ambalalih kerja/peralihan (*turnover*).
- Menurut sumber sebuah artikel dari Bloomberg Businessweek yang memetik sebuah kajian dalam buku "*Kids at Work: The Value of Employed-Sponsored-On-Site Child Care Centers*", di mana dua syarikat besar menganggarkan penjimatan sebanyak \$ 150,000 hingga \$ 250,000 kos 'turnover' melalui Pusat Penjagaan di Tempat Kerja.
- Salah satu strategi perekrutan pekerja yang berkesan: menarik lebih ramai calon untuk memohon pekerjaan.
- Mencipta satu persekitaran pejabat yang pro-keluarga di mana pekerjaan serta keluarga tidak saling eksklusif dan secara tidak langsung meningkatkan

prestasi kerja para pekerja serta produktiviti organisasi.

- Menurut tinjauan Bright Horizons, peratusan pekerja berkualiti yang setia memilih untuk kekal di tempat kerja yang menyediakan kemudahan 'On Site Day Care' lebih tinggi walaupun menerima tawaran luar yang lebih baik.
- Mewujudkan semangat, daya dan energi kerja yang jitu oleh kerana pekerja berasa dihargai justeru lebih bermotivasi untuk bekerja bersungguh-sungguh.

Pekerja adalah aset terpenting dalam menentukan hala tuju serta kemajuan sesebuah organisasi melalui tenaga, kreativiti dan inovasi yang disumbangkan oleh mereka. Pembangunan kakitangan yang produktif melibatkan satu faktor bukan kuantitatif di mana bergantung sejauh mana sesebuah organisasi berjaya menyediakan keperluan pekerja. Sewajarnya, tidak hanya dijadikan 1 Mei sebagai penanda aras sesebuah organisasi dalam menghargai jasa para pekerja kerana tanpa pekerja, maka tiadalah nadi roh penggerak produksi yang menjaga keuntungan organisasi. ##

# Menuju sistem pilihanraya yang adil

## Perlunya pembaharuan sistem pengundian

Pilihanraya merupakan satu komponen yang penting dalam demokrasi. Rakyat dapat memilih wakil rakyat yang mewakili mereka dalam sistem perundangan ataupun kerajaan yang mentadbir sesebuah negara melalui cara pengundian dalam pilihanraya.

Negara Malaysia mengamalkan sistem Westminster, iaitu sejenis sistem politik berparlimen yang bermodelkan apa yang dibangunkan di negara Britain. Di bawah sistem ini, pada kebiasaannya, sistem eksekutif (kerajaan yang memerintah) dibentuk oleh ahli-ahli parlimen daripada parti atau gabungan parti yang memenangi kerusi terbanyak dalam Dewan Rakyat; wujudnya jawatan Ketua Pembangkang dalam parlimen; ahli-ahli parlimen dipilih melalui sistem "undian pemenang undi terbanyak" (*first-past-the-post*) mengikut kawasan pengundian.

Sistem pilihanraya di negara kita mempunyai banyak masalah. Selain wujudnya penyelewengan dalam proses pilihanraya (seperti pengundi hantu, politik wang, penyalahgunaan jentera kerajaan, akses media yang tidak adil dan sebagainya), rekaan sistem pilihanraya itu sendiri pun mempunyai pelbagai kelemahan sehingga membolehkan parti pemerintah dapat terus mengekalkan kekuasaannya.

Gabungan parti yang memerintah negara kita, Barisan Nasional (yang didominasi oleh UMNO dan dikenali sebagai Parti Perikatan sehingga tahun 1973), menang dalam semua pilihanraya umum sejak tahun 1955, bukan disebabkan gabungan parti ini sangat baik dan benar-benar menjamin kepentingan rakyat biasa, tetapi oleh kerana adanya satu sistem pilihanraya yang memberi banyak kelebihan kepada parti pemerintah dan juga wujudnya manipulasi serta penyelewengan yang serius.

Adalah aneh untuk sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, apabila rakyatnya yang ada hak untuk mengundi dalam memilih kerajaan tidak dapat mengetahui tarikh pilihanraya sehingga parlimen dibubarkan. Walaupun tempoh maksimum untuk satu penggal peralihan perwakilan dalam Dewan Rakyat ialah 5 tahun, tetapi dalam tempoh 5 tahun tersebut, kuasa untuk memutuskan pembubaran Parlimen dipegang sepenuhnya oleh Perdana Menteri. Perdana Menteri boleh memutuskan untuk

membubarkan Dewan Rakyat bila-bila masa, dan pilihanraya akan diadakan dalam tempoh 60 hari selepas pembubaran Parlimen mengikut tarikh yang diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

### Sistem "undian pemenang undi terbanyak"

Sistem pengundian yang diamalkan di negara kita dari dahulu hingga sekarang, ialah sistem "undian pemenang undi terbanyak" (*first-past-the-post*).

Sistem "undian pemenang undi terbanyak" merupakan salah satu jenis sistem pengundian majoritarian, iaitu mana-mana calon yang mendapat undi terbanyak akan menang dalam pilihanraya.

Sistem "undian pemenang undi terbanyak" mempunyai pelbagai kelemahan dan masalah, antaranya:

- Pengagihan perwakilan dalam Parlimen tidak mencerminkan jumlah undi yang diperoleh.
- Undi dibazirkan.
- Mendorong pengundian secara taktikal yang hanya memilih syaitan yang kurang jahat.
- "Gerrymandering".

### Nisbah kerusi tidak mencerminkan undi

Sistem "undian pemenang undi terbanyak" boleh mewujudkan keputusan pilihanraya yang tidak mencerminkan sokongan sebenar terhadap sesuatu parti. Misalnya, dalam PRU-13 pada tahun 2013, Barisan Nasional (BN) hanya memperoleh 47.38% daripada jumlah undi di seluruh negara, tetapi ia memenangi sebanyak 59.91% kerusi dalam Dewan Rakyat; sedangkan Pakatan Rakyat yang memperoleh sebanyak 50.87% undi pada masa itu hanya mendapat 40.09% kerusi dalam Dewan Rakyat. Amat jelas sekali, pengagihan kerusi dalam Parlimen tidak selaras dengan taburan undi yang diperoleh parti-parti yang bertanding. Prinsip "satu orang satu undi" tidak wujud di bawah sistem sebegini.

Dengan mengambil contoh keputusan PRU-13, Pakatan Rakyat menang 40.09% kerusi dalam Dewan Rakyat dengan perolehan undi popular sebanyak 50.87%. Ini bermakna bahawa lebih 10% undi (bersamaan dengan 1.1 juta undi) telah dibazirkan.

Katakan dalam satu kawasan pilihanraya dipertandingkan oleh 2 orang calon (calon A dan B), daripada jumlah undi yang dibuang dalam peti undi, calon A mendapat sebanyak 51% undi, manakala calon B mendapat 49% undi, maka calon A akan menang kerusi yang mewakili kawasan pilihanraya tersebut. Ini bermakna pilihan hampir separuh daripada pengundi di kawasan tersebut, iaitu 49% pengundi yang mengundi untuk calon B, tidak ditunjukkan dalam parlimen.

Ambil satu lagi contoh, katakan adanya 3 orang calon dalam suatu kawasan pilihanraya (calon A, B dan C), calon A mendapat 34% undi, calon B mendapat 33% undi dan calon C mendapat 33% undi, maka calon A muncul sebagai pemenang dan menjadi satu-satunya wakil rakyat untuk kawasan pilihanraya tersebut, walaupun dia hanya memperoleh sokongan 1/3 daripada jumlah pengundi yang keluar mengundi. 66% undi "dibazirkan" begitu sahaja dalam senario ini.

### Pengundian secara taktikal dan sistem dua parti

Dalam pertandingan pelbagai penjur, biasanya calon yang merupakan penyandang jawatan ataupun daripada parti yang lebih besar akan mempunyai kelebihan berbanding calon-calon yang lain.

Oleh sebab wujudnya masalah undi berkemungkinan besar dibazir, maka akan mendorong pengundi untuk mengundi secara taktikal semasa pilihanraya, dan terpaksa mengundi calon yang bukan pilihannya. Pengundian secara taktikal bermakna dalam situasi pertandingan pelbagai penjur (melebihi 2 orang calon), pengundi akan membuat pertimbangan untuk mengundi calon yang mempunyai peluang yang lebih besar untuk menang, walaupun calon yang berpeluang besar untuk menang itu bukan pilihannya. Undi kepada mana-mana calon yang dianggap tidak berpeluang menang berkemungkinan akan "dibazirkan" ataupun tidak mendatangkan kesan kepada keputusan akhirnya.

Situasi memaksa pengundi untuk mengundi secara taktikal antara 2 orang calon yang paling berkemungkinan untuk menang, biasanya akan mewujudkan hanya pilihan antara dua syaitan dan pengundi terpaksa memilih syaitan yang dianggap kurang jahat.

Hakikatnya, syaitan tetap syaitan, syaitan mana kurang jahat daripada syaitan yang satu lagi, sebenarnya hanyalah pertarungan judi yang langsung tiada jaminan.

Oleh sebab pengundian secara taktikal menjadi kebiasaannya, keputusan pilihanraya di bawah sistem "undian pemenang undi terbanyak" hanya cenderung kepada wujudkan sistem dua parti atau sistem dua gabungan parti-parti (yang terbentuk sebelum pilihanraya). Di Malaysia, oleh sebab penyelewengan dalam pilihanraya yang serius, parti pemerintah selalunya mendominasi dalam pilihanraya dan tidak pernah berlakunya perubahan rejim sehingga hari ini. Harapan untuk perubahan rejim hanya wujud selepas PRU-12 pada tahun 2008 apabila parti-parti pembangkang berjaya memecahkan penguasaan 2/3 kerusi dalam Dewan Rakyat dan menang untuk membentuk kerajaan di 5 buah negeri (walaupun situasi yang hampir serupa pernah berlaku pada tahun 1969 tetapi dihancurkan oleh darurat yang diisytihar berikutan Peristiwa 13 Mei). Namun, UMNO-BN yang menguasai kebanyakan jentera kerajaan masih mendominasi kuasa politik di negara kita.

Sistem dua parti atau dua gabungan parti, hanya memberi rakyat pilihan antara Cola-cola dan Pepsi. Lebih-lebih lagi di bawah sistem ekonomi kapitalis, dua parti yang utama hanya akan bersaing untuk menonjolkan diri sebagai siapa antara mereka merupakan pelindung sistem kapitalis yang lebih boleh dipercayai oleh kelas kapitalis.

Dalam konteks politik Malaysia yang melibatkan masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum, sistem dua gabungan parti yang wujud, hanya "memaksa" parti-parti yang jauh berbeza ideologi bekerjasama untuk membentuk gabungan politik ataupun pakatan pilihanraya supaya menang dalam pilihanraya. Ini menyebabkan gabungan parti-parti politik (khususnya parti-parti pembangkang) selalunya tidak stabil, dan menguntungkan parti yang memerintah.

Parti atau calon selain daripada dua parti atau gabungan parti utama yang bertanding dalam pilihanraya, biasanya akan dianggap sebagai "pengacau" atau "perosak undi" yang dikatakan akan "memecahkan undi" calon yang berpeluang untuk menang, khususnya dalam situasi persaingan yang sengit. Memang adanya kemungkinan untuk parti pemerintah menaja calon parti ketiga bertanding dalam sesuatu kawasan untuk memecahkan undi pembangkang. Namun, untuk parti lain yang benar-benar ingin membawa program politik yang memang berbeza daripada dua parti utama, kemungkinan besar ia juga akan dikenakan tuduhan "ejen parti pemerintah". Ini amat tidak adil untuk parti-parti kecil dan parti-parti yang membawa alternatif yang berbeza daripada parti aliran utama.

(sambung di m/s 9)





(sambung dari m/s8)

## Gerrymandering



Satu lagi masalah serius dengan sistem pilihanraya di negara kita adalah kecenderungan untuk parti pemerintah menggunakan kaedah "gerrymandering" bagi menambahkan peluangnya untuk menang lebih kerusi. Ini dilakukan setiap kali diadakan persempadanan semula, di mana sempadan kawasan pilihanraya dialihkan supaya boleh memasukkan penyokong parti pemerintah yang berlebihan di sesuatu kawasan pilihanraya ke dalam kawasan pilihanraya yang berjiranan. "Gerrymandering" juga dilakukan untuk mewujudkan lebih kawasan yang boleh dimenangi oleh parti pemerintah, sehingga menambahkan lagi majoriti kerusi parti pemerintah dalam Parlimen.

"Gerrymandering" akan menimbulkan keadaan taburan bilangan pengundi yang tidak samarata, di mana akan wujudnya perbezaan bilangan pengundi yang ketara antara kawasan pilihanraya. Antara kawasan Parlimen di negara kita, kawasan Parlimen Kapar (Selangor) mempunyai jumlah pengundi terbanyak dengan lebih 144,000 orang pengundi, sementara kawasan Parlimen Putrajaya mempunyai jumlah pengundi paling sedikit dengan hanya lebih kurang 16,000 pengundi, bezanya sebanyak 128,000 orang pengundi. Kawasan Parlimen Kapar mempunyai 9 kali ganda pengundi berbanding Putrajaya. Dalam erti kata lain, satu undi untuk seorang pengundi di Putrajaya mempunyai pemberat yang sama dengan undi daripada 9 orang pengundi di Kapar. Ini telah melanggar sepenuhnya prinsip "satu orang, satu undi"!

## Sistem pengundian yang alternatif

Selain sistem "undi pemenang undi terbanyak" yang sedang digunakan di negara kita sekarang, terdapat banyak lagi sistem pengundian lain yang lebih adil dan sedang digunakan di negara-negara yang berlainan. Antaranya:

- i. sistem undian dua pusingan,
- ii. sistem undi alternatif atau undian mengikut keutamaan,
- iii. sistem perwakilan berkadar,
- iv. sistem perwakilan berkadar campuran-ahli.

**Sistem undian dua pusingan**, juga merupakan sejenis sistem undian majoritarian (calon yang mendapat sokongan majoriti akan menang) seperti "undi pemenang undi terbanyak", hanya bezanya pengundian dijalankan untuk 2 pusingan sekiranya tiada calon yang meraih undi majoriti yang diperlukan untuk menang dalam

pusingan pertama. Contohnya, sekiranya ada 10 orang calon bertanding di satu kawasan pilihanraya, selepas pengundian pusingan pertama, sekiranya tiada seorang calon yang memenangi undi sebanyak 50% daripada undi yang ditaburkan, maka 2 orang calon yang meraih undi terbanyak akan memasuki pusingan kedua untuk pengundian penentuan (boleh diadakan beberapa minggu selepas pusingan pertama). Cara pengundian ini memastikan pemenang terakhir akan mendapat sokongan majoriti yang sebenar.

- Sistem undian dua pusingan dipraktikkan di negara seperti Perancis, Brazil, Argentina, Mesir, Timor-Leste dan sebagainya.
- Biasanya digunakan untuk pilihanraya Presiden, tetapi di Perancis, sistem ini digunakan juga untuk pilihanraya parlimen dan pilihanraya tempatan.
- Di Ecuador, Presiden dipilih melalui sistem undian dua pusingan yang diubahsuai, di mana seseorang calon boleh jadi pemenang dalam pusingan pertama dengan cara sama ada meraih lebih 50% undi ATAU sekurang-kurangnya 40% undi dan perbezaan undi dengan pesaing terdekat melebihi 10%.

Satu lagi jenis sistem pengundian majoritarian ialah **sistem undi alternatif** atau **undi mengikut keutamaan**. Ia juga dipanggil **sistem pengundian penentuan segera** (*instant-runoff voting*). Konsepnya sama dengan pengundian dua pusingan tetapi hanya perlu dijalankan sekali sahaja dengan satu kertas undi. Sistem ini sesuai digunakan apabila terdapat lebih daripada 2 orang calon bertanding di sesuatu kawasan. Kaedah ini dapat mengurangkan masalah pecah undi dan pembaziran undi.

- Seorang pengundi akan menerima satu kertas undi yang disenaraikan semua calonnya, dan dia akan menandakan calon pilihannya mengikut keutamaan (pilihan 1, pilihan 2, pilihan 3...). Semasa pengiraan undi, sekiranya pilihan 1 seseorang pengundi tidak mendapat undi antara dua yang tertinggi, pilihan 2 akan diambil kira dan jika pilihan 2 itu berada di antara dua teratas tangga, maka akan menambahkan undi calon tersebut. Jika pilihan 2 bukan juga antara dua teratas, maka pilihan 3 akan diambil kira.
- Sistem pengundian ini digunakan di negara seperti Australia.

Masalah dengan sistem pengundian majoritarian, sama ada "undi pemenang undi terbanyak" yang sedang digunapakai di Malaysia, ataupun undian dua pusingan ataupun undian mengikut keutamaan, adalah keputusan akhir pilihanraya tidak dapat mencerminkan nisbah perwakilan yang sebenar untuk pilihanraya. Masihnya parti atau calon

yang mendapat undi terbanyak menyapu bersih kerusi dalam dewan perundangan. Parti-parti yang kecil susah untuk menang dalam pilihanraya, dan masyarakat minoriti juga susah mendapatkan wakil dalam sistem perundangan. Sistem perwakilan berkadar (*proportional representation*) ataupun perwakilan mengikut nisbah, dapat mengatasi masalah ini.

## Sistem perwakilan berkadar lebih adil untuk semua parti

**Sistem perwakilan berkadar** akan memastikan taburan kerusi dalam dewan perundangan mencerminkan taburan perolehan undi setiap parti yang bertanding. Jenis sistem perwakilan berkadar yang paling kerap digunakan ialah perwakilan berkadar mengikut senarai parti.

- Pengundi akan diberikan satu kertas undi yang disenaraikan semua parti yang bertanding, dan dia akan pangkah parti pilihannya. Keputusan pilihanraya, iaitu pengagihan kerusi, akan berdasarkan peratusan undi yang diperoleh setiap parti.
- Kelemahan dengan sistem berkadar mengikut senarai parti adalah berkemungkinan perwakilan dalam dewan perundangan tidak mencerminkan perwakilan mengikut kawasan geografi (kerana sesuatu parti mungkin akan meletakkan semua calonnya dari kawasan pusat bandar); faktor calon tidak diambil kira (kerana calon mana yang masuk ke dalam dewan perundangan ditentukan oleh senarai calon yang dibuat oleh sesuatu parti).
- Sistem ini dipraktikkan di negara-negara seperti Finland, Belanda, Nicaragua dan sebagainya.

Untuk mengatasi kelemahan yang wujud dalam sistem pengundian majoritarian dan sistem perwakilan berkadar, maka wujudnya **Sistem Perwakilan Berkadar Campuran-Ahli** (*mixed-member proportional representation, MMP*).

Sistem Perwakilan Berkadar Campuran-Ahli, menggabungkan kedua-dua sistem pengundian majoritarian untuk kawasan pilihan-



raya dan juga sistem perwakilan berkadar mengikut senarai parti.

- Seorang undi akan diberi dua kertas undi: satu untuk memilih antara calon untuk mewakili kawasan, dan satu lagi untuk memilih parti.
- Wakil rakyat untuk kawasan boleh ditentukan melalui cara "undi pemenang undi terbanyak" dan membentuk separuh daripada perwakilan dalam dewan perundangan; sementara separuh lagi perwakilan ditentukan mengikut taburan undi yang diperoleh setiap parti dalam undi mengikut parti.
- Kaedah ini dapat membolehkan perwakilan mencerminkan undi yang diperoleh di samping memastikan adanya perwakilan dari kawasan geografi yang berlainan.
- Sistem ini dipraktikkan di negara-negara seperti Jerman, New Zealand dan Bolivia.

## Perlukan perubahan menyeluruh dalam sistem pilihanraya

Dengan menyedari bahawa terdapatnya banyak kelemahan dalam sistem pengundian yang sedia ada di negara kita dan wujudnya banyak lagi jenis sistem pengundian yang lebih adil, maka perubahan terhadap sistem pengundian juga perlu dijadikan salah satu agenda utama dalam pembaharuan sistem pilihanraya di negara kita demi memperdalamkan politik demokrasi untuk menjamin kepentingan rakyat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Perubahan penting yang perlu dilakukan terhadap sistem pilihanraya kita, termasuklah:

- Gantikan sistem "undi pemenang undi terbanyak" dengan sistem pengundian yang lebih adil seperti sistem perwakilan berkadar campuran-ahli.
- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang bebas sepenuhnya.
- Kurangkan umur mengundi dari 21 tahun ke 18 tahun.
- Pendaftaran pengundi secara automatik (iaitu seseorang warganegara akan menjadi pengundi secara automatik apabila umurnya mencecah umur layak mengundi).
- Perbelanjaan kempen pilihanraya untuk semua parti dibiayai sepenuhnya melalui dana awam kerajaan (supaya membendung segala sumbangan dana daripada pihak korporat swasta).
- Akses kepada media massa yang samarata untuk semua parti. ##

**MIXED-MEMBER PROPORTIONAL REPRESENTATION  
REPRÉSENTATION PROPORTIONNELLE MIXTE**

Place an X in the circle next to the party of your choice.  
Place another X in the circle next to the candidate of your choice.

Veuillez inscrire un X dans le cercle en regard du parti de votre choix  
et un autre X dans le cercle en regard du candidat de votre choix.

Here's the first vote / Le premier vote <b>PARTY VOTE / VOTE DE PARTI</b>	Here's the second / le deuxième <b>LOCAL CANDIDATE / CANDIDAT LOCAL</b>
<input type="radio"/> PARTY W PARTI W	<input type="radio"/> CANDIDATE A CANDIDAT A
<input checked="" type="radio"/> PARTY X PARTI X	<input type="radio"/> CANDIDATE B CANDIDAT B
<input type="radio"/> INDEPENDENT CANDIDATE CANDIDAT INDEPENDANT	<input type="radio"/> CANDIDATE C CANDIDAT C
<input type="radio"/> PARTY Y PARTI Y	<input checked="" type="radio"/> CANDIDATE D CANDIDAT D
<input type="radio"/> PARTY Z PARTI Z	<input type="radio"/> NO LOCAL CANDIDATE AUCUN CANDIDAT LOCAL

**Contoh kertas undi di bawah Sistem Perwakilan Berkadar Campuran Ahli,**

# Menuju Dasar Nasional Menyeluruh terhadap Migrasi Buruh untuk Malaysia

Pada 20 Julai lalu, **Gabungan Hak untuk Pembelaan (Right to Redress)** telah melancarkan satu laporan bertajuk "Menuju Dasar Nasional yang Menyeluruh terhadap Migrasi Buruh untuk Malaysia."

Laporan ini mengandungi syor-syor dasar berkaitan 7 aspek dalam migrasi buruh. Semua syor ini diperolehi melalui siri rundingan meja bulat yang berlangsung

sebanyak 4 kali bersama semua pihak berkepentingan antara bulan Ogos dan Oktober 2016. Laporan ini akan dikemukakan kepada kerajaan dengan harapan bahawa:

- kerajaan akan memulakan langkah-langkah untuk membuat dasar komprehensif tentang migrasi buruh; dan
- kerajaan akan mengambil kira cadangan-cadangan dalam laporan ini apabila membuat dasar tersebut.

## 4 sebab yang mendesak mengapa kita perlukan satu dasar yang menyeluruh terhadap migrasi buruh:

### 1. Peningkatan dalam bilangan pekerja migran dan kebergantungan ekonomi Malaysia pada pekerja migran

Jumlah pekerja migran kini telah meningkat ke seramai 6 juta, satu angka yang begitu besar. Sektor-sektor yang mengupah pekerja migran pada masa kini termasuk sektor pembinaan, perladangan, pertanian, perlombongan dan kuari, pembuatan dan perkhidmatan, serta pelancongan.

Beberapa industri bergantung sangat kepada tenaga buruh migran sehingga industri-industri berkenaan dijangka terpaksa tutup sekiranya kemasukan pekerja migran dihentikan.

Keadaan ini menunjukkan bahawa migrasi buruh ke Malaysia bukan satu perkara remeh-temeh di mana dasar boleh dibuat secara terburu-buru tanpa memikirkan kesannya dalam jangka masa panjang.

### 2. Penswastan proses rekrutmen dan pengurusan pekerja migran menimbulkan banyak masalah

Selepas kerajaan menswastakan proses pengambilan (rekrutmen) dan pengurusan pekerja migran, migrasi buruh bertukar wajah menjadi satu industri yang berkeuntungan lumayan untuk ahli-ahli politik daripada parti pemerintah dan kroni-kroni mereka.

Ini juga menjadi salah satu punca wujudnya rasuah di agensi-agensi penguatkuasaan.

Bayangkanlah, tanpa ejen, kos rekrutmen seorang pekerja Nepal ialah RM1,500, tetapi dengan peranan ejen, kos meningkat ke RM14,000!

Motif keuntungan telah mencetuskan pelbagai masalah teruk dalam isu migrasi buruh. Antaranya:

#### A. Pemerdagangan manusia dan penyeludupan

Malaysia mempunyai rekod yang buruk mengikut Laporan Pemerdagangan Orang oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat, berada di Tingkat 3 (tahun 2014), dan senarai pemerhatian Tingkat 2 (tahun 2015 dan 2016), dan sehingga tahun ini baru dinaiktaraf ke Tingkat 2.

#### B. Buruh paksa

Pekerja migran terpaksa meminjam wang dengan faedah yang tinggi untuk datang ke Malaysia. Gaji pekerja digunakan untuk membayar balik hutang, maka untuk sekurang-kurangnya 6 bulan tidak ada pendapatan.

Aktiviti ejen dalam rekrutmen yang tidak bersesuaian telah menyebabkan ramai pekerja hilang status yang sah, dan juga menyebabkan bekalan pekerja migran menjadi berlebihan.

Trend ini hanya boleh dihentikan dengan penggubalan dasar untuk mengawalselia pengambilan pekerja, untuk menghapuskan motif cari keuntungan dan memberi keutamaan kepada keperluan tenaga kerja sebenar.

### 3. Kesan migrasi buruh terhadap jaminan kerja dan kuasa tawar-menawar pekerja

30% tenaga kerja di negara kita terdiri daripada pekerja migran. Angka ini termasuk lebih kurang 4 juta orang pekerja migran tanpa dokumen yang tidak mempunyai sebarang hak dari segi undang-undang. Kerajaan hanya mengiktirafkan 2 juta pekerja yang berdokumen, walaupun sedar bahawa kebanyakan pekerja tidak berdokumen bekerja di perusahaan kecil dan sederhana (SME).

Komposisi tenaga kerja di Malaysia serta bekalan berlebihan tenaga buruh membenarkan pihak majikan mengamalkan taktik "pecah dan perintah" yang mengakibatkan satu keadaan di mana kuasa tawar-menawar untuk pekerja amat lemah, dan tidak ada jaminan kerja untuk keseluruhan tenaga kerja.

Tuntutan pekerja tempatan untuk gaji yang lebih tinggi bagi menampung kos hidup, masa kerja yang lebih pendek dan kondisi kerja yang lebih

baik, dilihat sebagai tuntutan yang melampau.

Kita perlukan dasar-dasar yang jelas yang menggariskan rasional kerajaan untuk mendapatkan tenaga buruh migran di Malaysia, cara menentukan bilangan pekerja migran yang diperlukan, dan peraturan-peraturan untuk melindungi hak dan kebajikan semua pekerja.

### 4. Peningkatan penduduk tanpa perkembangan dalam bekalan perkhidmatan sosial

Jumlah penduduk Malaysia telah meningkat dengan tambahan 6 juta orang pekerja migran. Namun, bekalan perkhidmatan sosial, seperti kesihatan, tidak berkembang untuk memenuhi keperluan bilangan penduduk tambahan ini. Sebaliknya, bukan sahaja tidak memperluaskan perkhidmatan awam, malah kerajaan membuat dasar untuk menyekat bekalan perkhidmatan kesihatan untuk pekerja migran dengan mengenakan caj perubatan yang tinggi.

Dasar seperti ini menghalang pekerja migran yang sakit daripada mendapatkan rawatan, dan dengan itu menyumbang kepada peningkatan dalam penyebaran penyakit seperti TB di kalangan masyarakat kita. Jelas bahawa kita perlukan dasar yang menyeluruh yang mengutamakan rakyat dan negara.

## Cadangan

### Cadangan-cadangan yang merangkumi 7 aspek berkenaan migrasi buruh

Laporan Gabungan Hak untuk Pembelaan bagi Pekerja Migran mengandungi 43 cadangan mengenai 7 aspek utama berkaitan migrasi buruh. Antara cadangan-cadangan adalah:

#### REKRUTMEN

- Satu Kementerian sahaja yang diberi tanggungjawab tunggal dalam urusan pengambilan pekerja migran.
- Bilangan pengambilan pekerja migran harus berdasarkan keperluan tenaga kerja.
- Mekanisme G-G (kerajaan terus dengan kerajaan) untuk semua pengambilan dan pengurusan pekerja migran.
- Satu kontrak pekerjaan sahaja dalam bahasa asal pekerja.

#### PEKERJAAN DI MALAYSIA

- Pantau dan kuatkuasakan Akta

- Kerja dan undang-undang lain.
- Menyatakan segala "pemotongan" di penyata gaji.
- Utarkan segala isu berkaitan kerja domestik.
- Memastikan hak pembelaan untuk semua pekerja migran.

#### PEKERJA MIGRAN TIDAK BERDOKUMEN

- Pantau dan kuatkuasakan Akta Pasport dan undang-undang lain.
- Hentikan syarikat swasta/ejen yang terlibat dalam penyumberluaran tenaga kerja migran.
- Mempercepatkan program pengesahan status dan pengambilan semula bekerja yang berkesan, di bawah Kementerian Sumber Manusia.
- Mengiktiraf hak golongan pelarian untuk bekerja.
- Hapuskan hukuman sebat untuk kesalahan imigresen.

#### PENANGKAPAN & PENAHANAN

- Kuatkuasakan Akta Pasport dan semua undang-undang yang relevan.

- Hentikan aktiviti syarikat swasta yang terlibat dengan penyumberluaran pekerja migran.
- Menangani rasuah institusi.
- Pengurusan terbuka untuk kem-kem tahanan; membenarkan akses.

#### PEKERJA MIGRAN WANITA

- Kaji semula segala undang-undang untuk memastikan hak pekerja wanita diberi perlindungan sepenuhnya.
- Kaji semula dan lakukan pembaharuan sepenuhnya dalam bidang kerja domestik.
- Memperkenalkan undang-undang yang wajar untuk menangani gangguan seksual.
- Memahami dan melindungi hak-hak reproduktif dan keluarga.


#### KESIHATAN & KESELAMATAN SOSIAL

- Semua pekerja migran diberi perlindungan PERKESO.
- Jaminan akses kepada perkhidmatan

- kesihatan.
- Melindungi kesihatan fizikal dan mental pekerja.
- Skim pencen untuk pekerja migran.

#### PERUMAHAN

- Penguatkuasaan tegas untuk peruntukan dan garis panduan yang sedia ada; pesalah harus didakwa.
- Penginapan di tempat kerja perlu dijamin, contohnya pekerja domestik.
- Majlis perbandaran dan majlis-majlis tempatan lain perlu lebih aktif dalam memantau kemudahan perumahan untuk pekerja migran. ##





# Pemandu lori menentang rayuan kes terhadap majikan dan KWSP

oleh Rani Rasiah,  
AJK Pusat PSM

Pada 14 Ogos lalu, Maniam a/l Subramaniam, seorang pemandu lori yang memfailkan kes terhadap bekas majikan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atas pengiraan pencaruman KWSP yang salah, telah menang dalam rayuan kesnya di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, S. Nantha Balan, telah memutuskan bahawa Maniam a/l Subramaniam berhak menuntut baki caruman yang tidak dibayar sebanyak RM 12,791 daripada bekas majikannya Cold Chain Network Sdn Bhd (CCN) untuk tempoh bulan Julai 2010 hingga Ogos 2013. Hakim S. Nantha Balan mengatakan bahawa bayaran yang dibayar kepada Maniam untuk perjalanan lori itu bukannya "pembayaran balik" (*reimbursement*) atau "elaun perjalanan". Ini bermakna bayaran tersebut merupakan sebahagian daripada upah pemandu lori dan patut diambilkira dalam pengiraan caruman KWSP.

## Latar belakang kes

Pada bulan Julai 2016, Maniam telah memfailkan kes di Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur terhadap bekas majikannya, Cold Chain Network Sdn Bhd (CCN), dan KWSP. Maniam menuntut RM12,791 sebagai baki caruman yang tidak dibayar oleh CCN, dan deklarasi bahawa "pembayaran balik perjalanan" (*trip reimbursement*) merupakan "upah" yang harus diambilkira dalam kiraan caruman KWSP.

Kes ini ditolak dengan kos RM 3000 di Mahkamah Sesyen, dan rayuan difailkan dan telah didengar pada 28 April lalu di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur oleh hakim S. Nantha Balan.

## Majikan tidak carum untuk gaji sepenuhnya

Maniam bekerja di CCN antara bulan Julai 2010 hingga Ogos 2013, dan dibayar gaji asas sebanyak RM1,400 setiap bulan. Dia juga dibayar komisen

untuk semua perjalanan yang dibuat dalam satu bulan. Jumlah pendapatannya setiap bulan, iaitu gaji asas bercampur dengan komisen, melebihi RM3000.

Tetapi majikan hanya membayar caruman KWSP mengikut gaji asas. Maka caruman yang dibuat adalah hanya separuh daripada yang sepatutnya.

## Majikan memanipulasi Akta KWSP

CCN tidak menggunakan perkataan "komisen" untuk memaksudkan bayaran insentif bagi setiap perjalanan, malah menggunakan terma "pembayaran balik perjalanan" yang mengelirukan dan salah. Pembayaran balik perjalanan bermakna bayaran balik untuk perbelanjaan seperti untuk minyak dan tol sekiranya dibayar oleh pemandu lori semasa sesuatu perjalanan. Tetapi pembayaran balik perjalanan tidak wujud langsung dalam kes Maniam, kerana CCN menanggung kos-kos semasa perjalanan dengan memberi kad untuk mengisi minyak dan kad Touch 'n Go untuk membayar tol kepada pemandu lorinya.

Menurut Akta KWSP, bayaran seperti elaun perjalanan dan bayaran lebih masa tidak perlu diambilkira dalam pengiraan caruman, manakala bagi bayaran seperti komisen harus dikira dalam caruman.

Untuk menjimatkan kos, CCN memanipulasi Akta KWSP dengan menggunakan istilah "pembayaran balik perjalanan" yang mengelirukan. Akibat taktik kotor majikan CCN, Maniam dan pemandu-pemandu lori syarikat itu mengalami kerugian dalam simpanan KWSP mereka.

## KWSP terima alasan majikan

Maniam telah mengadu kepada KWSP tentang perkara ini. Maniam telah menjelaskan bahawa pembayaran balik perjalanan



sebenarnya adalah komisen bagi jumlah trip/perjalanan yang dibuat dalam satu bulan. Bayaran untuk setiap perjalanan berbeza bergantung kepada lokasi destinasi, contohnya bayaran untuk trip ke Pulau Pinang ialah RM 60, ke Kota Baru ialah RM90, dan ke Johor Bahru ialah RM110.

KWSP telah menyiasat aduan Maniam dan CCN telah memberi penjelasan bahawa "pembayaran balik perjalanan" sebenarnya merupakan "elaun perjalanan" dan "bayaran lebih masa". KWSP menerima penjelasan CCN dan memaklumkan kepada Maniam bahawa majikan tidak perlu mencarum terhadap "pembayaran balik perjalanan".

## Pemandu lori Maniam terus berjuang tanpa putus asa

Maniam tidak menerima penjelasan ini dan telah merayu terhadap keputusan KWSP dengan menerangkan bahawa pembayaran balik perjalanan bukannya "elaun perjalanan" (sebab semua kos semasa perjalanan ditanggung oleh majikan); dan ia juga bukan bayaran lebih masa (bayaran trip untuk hari Ahad atau pada cuti umum tidak berbeza dari hari biasa, contohnya bayaran untuk trip ke Shah Alam tetapnya RM 60, tidak kira ianya dilakukan pada hari biasa atau pada

hari Ahad atau pada cuti umum).

Malangnya walaupun Maniam telah terus membuat rayuan terhadap keputusan KWSP melalui beberapa surat, KWSP tetap menerima cerita versi majikan, dan dengan itu tetap gagal menyelesaikan isu yang dibangkit oleh Maniam walaupun ia sangat jelas dan mudah difahami. Jadi, Maniam tidak ada pilihan lain selain membawa perkara ini ke mahkamah.

Walaupun keputusan Mahkamah Sesyen tidak berpihak pada Maniam, namun Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan Maniam untuk mendapatkan perbezaan dalam caruman yang sepatutnya dibuat oleh CCN sepanjang tempoh masa dia bekerja. Hakim S. Nantha Balan telah memutuskan bahawa "pembayaran balik perjalanan" sebenarnya adalah komisen, tetapi ia hanya disamar sebagai elaun perjalanan dan bayaran kerja lebih masa, untuk mengelak daripada membayar caruman. Beliau mengingatkan KWSP bahawa sebagai badan yang diamanahkan dengan tugas menjaga tabung persaraan ini haruslah lebih berhati-hati dalam memainkan peranannya.

## KWSP harus lebih berjaga-jaga

Sebilangan signifikan syarikat pengangkutan memandang skim KWSP sebagai satu beban yang meningkatkan kos perniagaan, dan gagal membuat caruman mengikut undang-undang. Mereka memanipulasi takrif upah untuk mengelakkan diri daripada membayar caruman KWSP yang sepatutnya. Akibat taktik kotor ini, ramai pemandu lori kehilangan beribu-ribu ringgit simpanan KWSP, dan oleh itu mereka tidak dapat menikmati perlindungan yang sepatutnya semasa usia tua mereka. KWSP haruslah lebih proaktif dalam memantau dan menguatkuasakan undang-undang KWSP. ##

Bulan	Gaji Asas	"Trip Reimbursement"	Jumlah upah	Jumlah caruman yang dibuat	Jumlah caruman sepatutnya
Dis 2011	1400	1885	3285	322	755
Mac 2012	1400	1655	3055	336	733
Jun 2013	1400	1620	3020	366	725

# Penduduk Cameron Highlands mahu MB Pahang selesai masalah

Selepas penduduk Cameron Highlands jauh turun berprotes, akhirnya Menteri Besar Pahang setuju berjumpa...

Pada 23 Ogos lalu, satu rombongan yang terdiri daripada penduduk Cameron Highlands yang bergabung dalam Jawatankuasa Tanah, Rumah dan Gerai (JTRG) telah mengunjungi Wisma Sri Pahang di Kuantan yang terletaknya Pejabat Menteri Besar Pahang.

Pada asalnya, mereka ingin mengadakan protes di depan Pejabat Menteri Besar kerana pihak Menteri Besar enggan berjumpa dengan mereka sebelum ini untuk membincangkan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi mereka. Namun, selepas tiba di depan Pejabat Menteri Besar, mereka telah dimaklumkan oleh Setiausaha Menteri Besar bahawa Menteri Besar telah bersetuju untuk berjumpa dengan penduduk dan temujanji ditetapkan pada 3 Oktober ini.

JTRG telah diberikan temujanji secara bertulis.

Walaupun rombongan yang mengunjungi Wisma Sri Pahang pada hari itu adalah kecil, tetapi disambut oleh polis yang ramai, malah Ketua Polis Daerah Kuantan sendiri turun untuk memantau situasi. Nampaknya rakyat yang berani amat digeruni si penguasa.

Menteri Besar akhirnya bersetuju untuk jumpa, hanya kerana penduduk Cameron



Highlands yang bergabung dalam JTRG bertegas untuk turun di Wisma Sri Pahang pada 23 Ogos lalu.

JTRG yang diorganisasi oleh PSM Cameron Highlands akan terus memperjuangkan isu-isu berkaitan dengan hak asasi dan kehidupan rakyat biasa sehingga tercapainya penyelesaian.

## Adakah dua permintaan daripada penduduk Cameron Highlands di bawah ini berketerlaluan?

1. **Satu perjumpaan dengan Menteri Besar (MB) Pahang dalam tempoh 10 bulan lepas.**
2. **Penyelesaian untuk 20 isu hakmilik tanah dalam tempoh 10 tahun lepas**

Jawatankuasa Tanah, Rumah dan Gerai (JTRG) pada awalnya merancang untuk mengadakan satu protes pada 23 Ogos lalu di hadapan Pejabat MB Pahang, kerana MB Pahang tidak mahu berjumpa sebelum itu dan menyelesaikan masalah-masalah hakmilik tanah kecil pertanian, rumah dan gerai di Cameron Highlands.

Protes yang dirancang itu sepatutnya diadakan di perkarangan Wisma Sri Pahang dan peserta protes ber-cadang untuk menunggu sehingga temujanji bertulis diberikan oleh MB Pahang. Makluman kepada Ketua Polis Daerah (KPD) Kuantan sudah diberikan melalui surat bertarikh 31 Julai lalu. JTRG juga mengatakan bahawa akan membatalkan protes ini sekiranya temujanji bertulis diberikan.

Sepanjang 10 tahun lepas, JTRG telah menghantar lebih 60 pucuk surat kepada pelbagai pihak, terutamanya kepada MB Pahang dan Pegawai Daerah Cameron Highlands. Antaranya 5 isu telah berjaya diselesaikan, dengan 4 isu diselesaikan 2 bulan lepas. Jumlah surat yang telah dihantar tidak termasuk surat-surat yang dihantar oleh orang perseorangan.

Selepas penangkapan polis di hadapan Wisma Sri Pahang pada 10 Julai 2012, MB Pahang bersama Presiden MIC pada masa itu, G.Palanivel, telah berjanji untuk menyelesaikan isu-isu hakmilik dengan segera. Namun hanya 5 kes sahaja diselesaikan setakat ini. Adakah MB Pahang hanya akan bertindak apabila penduduk yang bermasalah membuat protes dan ditangkap polis?

Isu-isu ini melibatkan petani-petani kecil yang tidak diberi hakmilik tanah walaupun sudah berkebutuhan puluhan tahun. Begitu juga dengan hakmilik

rumah dan gerai untuk golongan berpendapatan rendah B40 seperti ibu tunggal.

Berikut ialah senarai surat-surat yang telah dihantar daripada pihak JTRG dan diterima sepanjang satu tahun lepas.

21/8/2017 - Surat daripada Nordin b Ibrahim, Setiausaha MB Pahang mengatakan MB tidak akan berada di pejabat pada 23/8/2017.

14/8/2017 - surat memohon temujanji dengan MB dihantar dengan tangan dan diterima oleh Nordin bin Ibrahim, Setiausaha kepada MB.

27/7/2017 - surat memohon temujanji dengan MB dihantar melalui pos.

7/6/2017 - surat memohon temujanji dengan MB dihantar melalui pos.

23/5/2017 - surat memohon temujanji dengan MB dihantar melalui pos.

19/5/2017 - Surat daripada Nordin b Ibrahim, Setiausaha MB Pahang, mengatakan MB tidak akan berada di pejabat pada 23/5/2017.

19/5/2017 - Surat memohon temujanji dengan MB dihantar melalui tangan dan diterima oleh Nordin b Ibrahim, Setiausaha MB Pahang.

23/1/2017 - Surat memohon temujanji dihantar dengan tangan dan diterima oleh Ahmad Jaafar, Setiausaha Sulit MB.

11/1/2017 - Memorandum kepada MB dihantar melalui wakil-wakil JTRG sebanyak 30 orang di Wisma Sri Pahang. Diterima oleh Ahmad Jaafar, Setiausaha Sulit MB.

21/10/2017 - Memorandum kepada MB dihantar melalui wakil-wakil JTRG sebanyak 20 orang di Wisma Sri Pahang. Diterima oleh Ahmad Jaafar, Setiausaha Sulit MB.

12/10/2017 - Pemakluman penyerahan memorandum kepada MB Pahang pada 21/10/2017.

**Selesai 5 kes dalam 10 tahun**

## tidak mencukupi!

JTRG menyeru pada Menteri Besar Pahang, Adnan Yaakob, supaya mempercepatkan pemberian hakmilik kekal atau pajakan tanah kepada petani kecil di Cameron Highlands. Seruan ini dibuat berikutan dengan kejayaan 4 orang petani kecil dari Blue Valley yang mendapat surat tawaran tanah pertanian untuk mereka pada 14 Ogos 2017, selepas mereka berjuang untuk 10 tahun yang lepas. 4 orang petani ini ialah M.Rajamah, N.Kandasamy, K.Muniamamah dan G.Mariayee. Pajakan yang diberikan itu bertempoh selama 10 tahun (tambahan pula dengan 10 tahun yang boleh diperbaharui) dengan keluasan tanah antara 1 hingga 3 ekar.

Petani-petani ini adalah sebahagian daripada JTRG yang diorganisasikan di bawah PSM Cameron Highlands yang telah berjuang sejak 10 tahun lepas untuk hakmilik tanah pertanian mereka. 2 orang petani yang mendapat hakmilik pajakan ini telah bertani hampir 45 tahun di kawasan yang dimohon.

Sepanjang 10 tahun lepas, JTRG membawa isu ini kepada perhatian Pejabat Tanah Cameron Highlands dan MB Pahang, tetapi hanya 5 kes sahaja diselesaikan. 5 kes ini termasuk 1 kes perumahan yang diselesaikan pada tahun 2015 apabila S. Ezumalai mendapat

hakmilik pajakan tanah perumahan untuk 99 tahun. Boleh dianggap Kerajaan Negeri Pahang mengambil purata masa 2 tahun untuk menyelesaikan 1 masalah. Adakah ini sahaja kebolehan MB Pahang atau adakah agenda politik yang tersembunyi dalam melengahkan penyelesaian hakmilik tanah-tanah kecil di Cameron Highlands?

Perjuangan JTRG sepanjang 10 tahun lepas telah banyak membantu membawa isu hakmilik tanah petani kecil di Cameron Highlands kepada perhatian rakyat dan penduduk tempatan. Kini ramai petani kecil di Cameron Highlands membincangkan isu hakmilik kekal tanah kecil pertanian mereka dan dijangkakan isu ini akan menjadi salah satu isu utama semasa PRU-14 kelak. Tindakan kerajaan Pahang ini juga tidak selari dengan usaha untuk meningkatkan hasil pertanian dalam negara.

Kejayaan 4 petani kecil di Blue Valley ini membuktikan bahawa hakmilik tanah boleh diberikan kepada petani kecil. PSM berharap MB Pahang akan berjumpa dengan 20 keluarga yang terlibat dan JTRG untuk memulakan proses pemberian hakmilik tanah kecil di Cameron Highlands. ##





# Hentikan pembunuhan beramai-ramai terhadap masyarakat Rohingya

(Berikut ialah kenyataan yang dikeluarkan pada 29 Ogos lalu oleh Choo Chon Kai, Penyelaras Biro Antarabangsa PSM)

Parti Sosialis Malaysia (PSM) memandang serius terhadap krisis kemanusiaan terutama dengan keganasan berterusan yang melanda masyarakat Rohingya di negeri Rakhine. PSM mengecam sepenuhnya kekerasan yang dilakukan oleh Tentera Myanmar yang melakukan pembunuhan besar-besaran terhadap masyarakat Rohingya. Ini sama seperti penghapusan kaum dan ia tidak boleh ditolak ansur lagi.

Terdapat laporan-laporan menyatakan pihak tentera Myanmar melancarkan serangan mengejut terhadap beberapa perkampungan Rohingya di beberapa lokasi di dalam negeri Rakhine seperti Maungdaw, Buthidaung dan Rathedaung. Juga terdapat laporan menyatakan pembunuhan kejam dilakukan terhadap masyarakat Rohingya.

Terdapat peningkatan signifikan dalam peristiwa kekejaman terhadap masyarakat Rohingya terutamanya selepas tindakan terkini pengurangan angkatan tentera oleh kerajaan pusat pimpinan Aung San Suu Kyu dan jeneral tentera Min Aung Hlaing.

Juga diterima maklumat bahawa:

- ◆ Penduduk kampung Zay Di Pyin yang beragama Islam telah dihalang untuk pergi bekerja

PSM telah mengadakan satu protes di hadapan ibu pejabat Bank CIMB pada 3 Ogos lalu bagi memprotes terhadap tindakan bank tersebut melelongkan rumah seorang OKU yang tinggal di Glenmarie, Shah Alam. Turut bersama memberi sokongan kepada mangsa kezaliman CIMB ialah Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM.

Sundaran a/l Govindarajoo telah membeli sebuah unit rumah di Pangsapuri Melewar, Shah Alam, pada tahun 2001 dengan pinjaman Bank CIMB sebanyak RM 39,434.

Sundaran telah membuat bayaran secara konsisten sebanyak RM 330 setiap bulan kepada bank untuk membayar balik pinjaman ini. Pada 5 April 2014, Sundaran telah mengalami kemalangan yang teruk sehingga menyebabkan tulang belakang dan sarafnya tercedera. Beliau langsung tidak dapat bergerak di bawah tengkuk pada masa itu.

Oleh yang demikian, isteri Sundaran, Kalyani Murugiah, telah pergi ke Bank CIMB di Seksyen 14 Shah Alam pada pertengahan tahun 2014 dan memaklumkan kepada pegawai bank yang mengendalikan kesnya bahawa Sundaran mengalami hilang upaya kekal dan tidak dapat bekerja lagi.

Sundaran telah disahkan layak untuk memohon insurans MRTA (*Mortgage Reducing Term Assurance*), dan diminta oleh pihak bank untuk membuat permohonan MRTA dengan Sun Life Insurance yang akan

atau mencari makanan dan air bersih selama lebih 3 minggu, walaupun terdapat sejumlah kecil yang dibenarkan melepasi kepingan untuk membeli keperluan pada Selasa lalu. Pihak polis juga mengesahkan bahawa penduduk kampung Rakhine beragama Buddha telah menandatangani jumlah makanan yang boleh dibeli oleh masyarakat Rohingya dan menafikan gerak kerja mereka sekitar perkampungan termasuk menyekat akses untuk bekerja.

- ◆ Beberapa penduduk kampung Rohingya di utara dan selatan Maungdaw telah diserang oleh gabungan dua pasukan, iaitu tentera Burma dan Polis Pengawal Sempadan (*Border Guard Police - BGP*).
- ◆ Pada 31 Julai lalu, kumpulan ekstremis Buddha (Moghs) yang dilindungi oleh pihak berkuasa tempatan telah memancung seorang ayah dan dua anak lelakinya yang sedang bekerja di ladang mereka di Rathedaung, Arakan. Insiden tragis ini berlaku di kampung Neng Ya yang terletak di barat bandar Rathedaung Ahad lalu.

Walaupun seperti sebelum ini, kerajaan Myanmar mengatakan bahawa serangan terhadap masyarakat Rohingya ini sebagai serangan untuk menghapuskan

kumpulan ekstremis, tetapi insiden demi insiden yang dilaporkan di peringkat akar umbi membuktikan sebaliknya.

Masyarakat Rohingya di negeri Rakhine telah menderita dengan diskriminasi yang sistematik dan tekanan kuat oleh kerajaan Myanmar berdekad lamanya. Situasi semakin bertambah buruk beberapa tahun kebelakangan ini dengan peningkatan serangan ganas terhadap masyarakat Rohingya. Beberapa kelompok nasionalis Myanmar turut cuba mengeksploitasi konflik di negeri Rakhine ini bagi menaikkan sentimen anti-Rohingya untuk menghalalkan keganasan berasaskan etnik perkauman.

Krisis kemanusiaan yang melanda masyarakat Rohingya pasti akan berterusan selagimana kezaliman dan prejudis dibiarkan berlaku, ia perlu dihentikan.

PSM mendesak kerajaan Myanmar agar:

- Hentikan segera pembunuhan masyarakat Rohingya di negeri Rakhine. Hentikan semua operasi ketenteraan di wilayah itu.
- Benarkan bantuan kemanusiaan memasuki negeri Rakhine bagi menyediakan rawatan terhadap mangsa konflik keganasan ini.



- Hentikan sekatan berita dari negeri Rakhine dengan membenarkan akses media bebas ke wilayah itu.
- Mengadakan dialog dan perbincangan dengan masyarakat Rohingya bagi memahami penderitaan mereka dan mencari solusi bermakna untuk mengakhiri krisis.
- Memperakui masyarakat Rohingya sebagai warganegara Myanmar yang sah dan hentikan segala diskriminasi terhadap mereka.

PSM menyeru seluruh komuniti ASEAN untuk mengambil langkah segera dalam hentikan krisis di negeri Rakhine sebelum ia menjadi bencana kemanusiaan yang lebih teruk. ASEAN sepatutnya segera menubuhkan sebuah badan bebas untuk menyiasat tuduhan pembunuhan besar-besaran masyarakat Rohingya di negeri Rakhine. ASEAN sepatutnya memainkan peranan dalam membantu proses untuk mencapai solusi keamanan buat krisis ini. Kebisuan yang berterusan oleh kerajaan Malaysia dan pemimpin-pemimpin ASEAN seolah-olah mereka menerima tindakan kezaliman berlaku terhadap masyarakat ASEAN yang lain juga. ##

## Rumah OKU dilelong CIMB sementara insurans MRTA masih diproses

membayar balik baki pinjaman rumahnya jika beliau meninggal dunia atau mengalami ketidakupayaan kekal.

Borang yang diminta telah siap diisikan oleh Sundaran dan dilengkapkan laporan perubatan daripada pihak doktor di Hospital Sungai Buloh. Sundaran telah mengemukakan permohonannya kepada bank pada tahun 2015 dan sekali lagi pada tahun 2016.

Sundaran juga telah disahkan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) dan menerima kad OKU serta bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sejak tahun 2014. Sundaran telah disahkan sebagai mengalami ketidakupayaan kekal oleh pihak PERKESO dan telah mula menerima bantuan bayaran pencen ilat sejak 29 Januari 2016 sehingga kini.

Setiap kali isteri Sundaran berjumpa dengan pegawai Bank CIMB Seksyen 14 Shah Alam untuk bertanyakan status permohonan insurans MRTA yang dikemulkannya, beliau akan dimaklumkan bahawa ianya dalam proses. Pegawai Bank CIMB telah meminta laporan perubatan sekali lagi pada awal tahun ini, dan Sundaran menyerahkan laporan perubatan yang seperti diminta itu.

Tiba-tiba pada awal bulan Jun tahun

ini, Sundaran disuruh oleh pihak bank untuk membuat bayaran tertunggak pinjaman perumahan, dan jika gagal berbuat demikian maka rumahnya akan dilelong. Sundaran terkejut kerana insurans MRTA sedang dalam proses. Walau bagaimanapun, Sundaran telah akur kepada permintaan Bank CIMB dan membuat bayaran sejumlah RM 3,900 pada bulan Jun dan Julai lalu.

Namun, secara tiba-tiba pada 10 Julai lalu, Sundaran menerima notis perlelongan rumahnya yang diadakan pada 17 Julai 2017. Sundaran kemudian dimaklumkan oleh pihak bank bahawa rumahnya telah selesai dilelongkan dengan harga RM 134,000.

Pada 24 Julai lalu, Sundaran dan isteri telah pergi ke Bank CIMB Seksyen 14 Shah Alam untuk bertanyakan kenapa rumahnya dilelong. Pegawai bank masih menyatakan bahawa insurans MRTA masih dalam proses.

Persoalan yang timbul di sini ialah: Kenapa permohonan insurans MRTA oleh Sundaran masih dalam proses selepas 2 tahun? Kenapa Sundaran diminta untuk buat bayaran tunggakan pinjaman pada saat terakhir? Kenapa rumah Sundaran masih dilelongkan walaupun bank telah menerima bayarannya? ##

(sambung dari m/s 15)

### Krisis demi krisis

Berbeza dengan ekonomi Keynesian yang menyokong peningkatan perbelanjaan kerajaan untuk merangsang permintaan agregat, cara ekonomi neoliberal untuk menghadapi krisis ekonomi adalah melalui "penjimatan" (*austerity*), iaitu mengurangkan perbelanjaan kerajaan (khususnya perbelanjaan sosial untuk kebajikan rakyat) dan peningkatan cukai (seperti cukai tambah nilai, VAT atau GST yang dikenakan ke atas rakyat biasa) untuk mengimbangkan belajawan kerajaan, dengan "harapan" untuk mengembalikan "kepercayaan" pelabur yang inginkan lebih keuntungan.

Perkembangan sistem kapitalis menyaksikan penumpuan dan pemusatan kekayaan yang dihasilkan daripada titik peluh majoriti pekerja ke dalam tangan segelintir kecil kapitalis. Ini merupakan asas kepada ketidaksamarataan ekonomi dan ketidakadilan sosial pada hari ini di seluruh dunia. Proses perluasan ekonomi neoliberal memburukkan lagi situasi dengan memperlihatkan penumpuan kekayaan yang lebih hebat dalam tangan segelintir kecil golongan mahakaya, sedangkan kitaran krisis ekonomi menjadi semakin kerap lagi semakin serius. ##

# Gabungan politik, PRU-14 & perubahan sosial

Dalam politik, gabungan atau pakatan atau kerjasama antara parti-parti politik untuk tujuan tertentu adalah sesuatu yang biasa.

Di Malaysia, sistem demokrasi berparlimen yang bermodelkan sistem Westminster dari Britain (di mana kerajaan dibentuk oleh parti yang menguasai majoriti kerusi di Parlimen dan wakil rakyat dipilih melalui sistem "undian pemenang undi terbanyak") sepatutnya cenderung untuk mewujudkan sistem dua-parti, tetapi oleh sebab politik yang berkembang daripada kepelbagaian masyarakat dari segi etnik dan budaya di negara kita, maka ianya lebih cenderung untuk mewujudkan sistem dua-barisan (iaitu barisan/gabungan parti-parti yang terdiri daripada pelbagai latar belakang). Tambahan pula dengan manipulasi dan taktik-taktik kotor daripada parti pemerintah, sistem dua-barisan yang wujud pun lebih memesong kepada dominasi gabungan parti pemerintah, iaitu Barisan Nasional yang diketuai UMNO pada masa kini.

Di bawah rekaan sistem pilihanraya yang berpihak kepada parti pemerintah, parti-parti pembangkang di Malaysia jika ingin menewaskan UMNO-BN dalam pilihanraya, terpaksa membentuk gabungan politik semasa mengambil bahagian dalam pilihanraya, untuk mengelakkan situasi lebih seorang calon pembangkang bertanding di sesuatu kawasan, di mana pada kebiasaannya dalam situasi pertandingan pelbagai penjur (iaitu melebihi seorang calon parti pembangkang), calon parti pemerintah akan menang kerana undi kepada pembangkang telah berpecah.

## Gabungan politik pembangkang dibentuk dan berpecah

Untuk mewujudkan situasi satu-lawan-satu dalam semua kawasan pilihanraya, parti-parti pembangkang terpaksa bergabung membentuk gabungan parti politik walaupun ideologi masing-masing amat berbeza. Dalam sejarah lampau, pernah wujud gabungan parti-parti politik seperti Gagasan Rakyat (1990-1996), Barisan Alternatif (1999-2001) dan Pakatan Rakyat (2008-2015). Namun, juga pernah wujudnya gabungan parti politik pembangkang yang berhaluan politik jelas, seperti Barisan Sosialis (1957-1966) yang ditubuhkan oleh Parti Buruh Malaya dan Parti Rakyat (kemudiannya disertai Parti Perhimpunan Kebangsaan).

Semua gabungan parti-parti politik pembangkang sebelum ini akhirnya berpecah kerana isu-isu yang memecah-belahkan rakyat seperti bahasa, kaum dan agama. Memang isu kaum dan agama sentiasa dimainkan oleh pihak pemerintah untuk terus kekal berkuasa, sejak zaman penjajahan British lagi.

Namun, perlu diingatkan bahawa sebenarnya Pakatan Rakyat bukanlah ditubuhkan sebelum pilihanraya tahun 2008, tetapi selepasnya. Parti-parti anggota Pakatan Rakyat tidak membentuk gabungan parti yang rasmi, tetapi mencapai kesepakatan dalam mengelakkan pertandingan pelbagai penjur semasa PRU-12, dan kemudiannya membentuk Pakatan Rakyat atas keinginan rakyat yang ditunjukkan dalam keputusan pilihanraya tersebut.

Pakatan Rakyat akhirnya juga berpecah, antara sebabnya termasuklah perbalahan antara parti-parti anggota khususnya dalam isu agama seperti Hukum Hudud. Selepas terkuburnya Pakatan Rakyat, muncul pula Pakatan Harapan yang terdiri daripada PKR, DAP dan serpihan PAS, iaitu AMANAH.

Namun, Pakatan Harapan nampaknya gagal menawarkan harapan kepada perubahan politik selepas penubuhannya, dan akhirnya menerima pula penyertaan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang dipimpin oleh Mahathir Mohamad yang keluar dari UMNO kerana marah pada Najib yang meminggirkan kepentingan puak dan kroninya dalam UMNO. Pakatan Harapan yang sepatutnya menawarkan alternatif politik kepada UMNO-BN, telah merosot menjadi sekadar satu gabungan politik yang bersifat oportunistik, dengan tujuan politik yang begitu sempit, iaitu menjatuhkan kerajaan pimpinan Najib.

## Jangan harap pada politik oportunis

Pakatan Harapan ada niat hendak menawan kuasa pemerintahan Persekutuan di Putrajaya, tetapi menaruh harapan besar kepada peranan yang dimainkan oleh Mahathir dan puaknya untuk meraih undi Melayu, dengan kononnya akan mencetuskan "Tsunami Melayu". Nampaknya politik Malaysia termasuk pembangkang yang bersungguh-sungguh untuk menggantikan UMNO-BN masih tidak dapat membebaskan diri daripada politik perkauman walaupun menolaknya secara retorik.

Disebabkan sifat oportunis dan visi politik yang hanya berjangkamas pendek untuk sekadar menukar kerajaan, Pakatan Harapan yang sepatutnya menawarkan harapan untuk perubahan sosial dengan peralihan kuasa pentadbiran, pada takat ini hanya menjelma dirinya sebagai sebuah gabungan politik pembangkang yang paling konservatif dan reaksioner.

Gabungan parti-parti politik yang bersifat oportunis semata-mata tidak akan bertahan lama. Jika ia ingin bertahan lama pun, ia akan terus mengamalkan politik yang konservatif dan reaksioner sehingga menjadi penghalang kepada perjuangan rakyat untuk perubahan sosial yang bermakna.

Jika memang menang dalam PRU-14 pun, Pakatan Harapan akan menghadapi pelbagai rintangan untuk melakukan perubahan sosial, bukannya rintangan luar tetapi rintangan dalam daripada puak-puak reaksioner yang amat berkuasa. Namun, kemungkinan yang lebih besar adalah Pakatan Harapan gagal menawan Putrajaya, maka kadar berpecahannya barangkali akan lebih cepat lagi berbanding Pakatan Rakyat.

## Perjuangan rakyat untuk perubahan tidak terhad pada pilihanraya

Jadi, dalam situasi yang begitu tidak optimis untuk parti-parti pembangkang, apa lagi boleh dilakukan? Jika kita hanya menumpu pada satu pilihanraya dan menganggap semua boleh berubah dengan hanya menang dalam pilihanraya, memang tidak ada apa lagi boleh buat dan perubahan sosial tidak akan berlaku.

Perubahan sosial adalah satu proses yang berterusan dan perlu melibatkan rakyat dari bawah. Jika nak buat perubahan sosial dengan hanya melakukan percaturan politik yang melibatkan pembentukan "barisan bersatu" (*united front*) yang bersifat oportunis antara elit-elit politik, maka rakyat marhaen akan terus terpisah dalam proses politik. Proses politik yang berpisah daripada rakyat marhaen, hanyalah permainan judi oleh elit politik, dan jika ada apa-apa perubahan pun, nasib rakyat marhaen tetap sama, tetap menjadi mangsa pemerasan sistem kapitalis yang mengutamakan keuntungan golongan korporat dan kepentingan golongan berkuasa.

Balik kepada pilihanraya, selagi masih wujudnya penyelewengan yang serius dalam proses pilihanraya, memang amat sukar untuk pembangkang menang. Namun, ini masih berkemungkinan sekiranya pembangkang mampu menawarkan alternatif politik yang jelas dan mantap. Ini susah dilakukan oleh parti-parti pembangkang aliran utama sekarang ini yang hanya asyik fikir menawan kuasa di Putrajaya tanpa berfikir tentang kepentingan membawa perubahan dasar yang konkrit.

Pembentukan Pakatan Harapan yang menekankan pada gabungan politik yang rasmi, diselaputi dengan retorik perubahan, tetapi didalangi kuasa-kuasa politik yang bersifat oportunis, bukan sahaja menjadi penghalang kepada perkembangan kuasa-kuasa politik alternatif yang mampu membawa aspirasi rakyat marhaen, malah juga penghalang untuknya menewaskan UMNO-BN dalam pilihanraya.

Memang dalam pilihanraya yang akan datang tidak lama lagi, tidak mungkin kita akan dapat melihat satu gabungan politik alternatif yang jelas dapat menggantikan UMNO-BN. Namun, ini tidak bermakna kita tidak dapat menewaskan UMNO-BN, ataupun mengurangkan lagi kerusi UMNO-BN dalam parlimen. Namun, tanggungjawab untuk mewujudkan keadaan yang berpihak kepada parti-parti pembangkang, terletak dalam tangan Pakatan Harapan itu sendiri.

## Perlunya formula baru untuk kerjasama politik

Pakatan Harapan tidak mungkin akan memantapkan posisi politiknya dalam banyak perkara dalam masa terdekat. Pakatan Rakyat sudah gagal melakukannya dalam tempoh 7 tahun kewujudannya, apatah lagi Pakatan Harapan yang baru disertai puak oportunis yang berpecah daripada parti pemerintah. Model kerjasama bersifat oportunis Pakatan Harapan sedang membunuh imaginasi rakyat untuk gabungan politik yang berbeza.

Tambahan pula, banyak lagi parti-parti atau calon-calon bukan UMNO-



BN akan bertanding. Pertandingan pelbagai penjur memang tidak boleh dielakkan. Persoalannya, bagaimana mengurangkan pertandingan pelbagai penjur dan mengurangkan impaknya kepada parti-parti pembangkang.

Oleh yang demikian, solusi yang paling baik untuk parti-parti pembangkang dalam menghadapi PRU-14, adalah mewujudkan formula baru untuk gabungan politik di luar kerangka Pakatan Harapan.

Antara formula yang boleh digunakan adalah, membuat pakatan pilihanraya yang longgar atau tidak rasmi antara parti-parti yang anti-BN. Pakatan pilihanraya yang longgar ini hanya dapat direalisasikan sekiranya Pakatan Harapan mengambil inisiatif untuk berbincang dengan parti-parti kecil yang lain.

PSM bersedia mewujudkan kerjasama dengan mana-mana parti pembangkang di kawasan yang ditandinginya, dengan hasrat mengelakkan pertandingan pelbagai penjur. Namun, kerjasama sebegini hanya dapat diwujudkan dengan adanya rundingan yang ikhlas, telus dan adil. Parti-parti pembangkang aliran utama mempunyai tanggungjawab untuk berunding dengan parti yang lebih kecil.

Dalam situasi politik yang hambar ini, juga tiba masanya untuk kita berfikir lebih ke depan lagi dengan bertanya: adakah sistem dua-barisan atau pembentukan gabungan parti politik pembangkang masih relevan untuk politik perubahan sosial?

Pada takat ini, gabungan parti pemerintah didominasi sepenuhnya oleh UMNO dan parti-parti pembangkang aliran utama pula bersaing untuk monopoli politik. Ini telah menjadi penghalang kepada perubahan sosial yang bermakna. Jika parti-parti dapat bertanding secara bebas dalam pilihanraya, mendapat sokongan undi rakyat atas dasar-dasar yang dikemukakannya, selepas pilihanraya dapat membentuk kerajaan selagi mampu menghimpunkan jumlah wakil rakyat yang mencukupi untuk menyokong kerajaan baru, maka kita dapat memecahkan monopoli politik oleh sesuatu parti.

Sehingga negara kita wujudnya sistem pilihanraya yang adil dan sistem pengundian yang lebih demokratik, kita sama ada teruskan pembentukan gabungan politik di bawah kerangka yang menghalang imaginasi kita untuk membina kuasa rakyat, ataupun mencuba formula gabungan politik yang lebih fleksibel dan membolehkan kuasa rakyat berkembang tanpa mengharapkan bahawa masyarakat kita boleh diselamatkan dengan menaruh harapan kepada pemimpin politik elit. ##





Apabila tercetusnya Krisis Minyak pada tahun 1973, di mana harga minyak melonjat secara mendadak dan menjejaskan keuntungan kapitalis antarabangsa dengan teruknya, menandakan permulaan zaman kemelesetan ekonomi kapitalis yang baru. Pada ketika itu, ekonomi Keynesian semakin kehilangan pengaruhnya kerana dilihat gagal menangani krisis dalam situasiimbangan kuasa sedunia yang baru. Satu doktrin fahaman ekonomi kapitalis yang ekstrim mula menunjukkan taringnya dan semakin mendapat pengaruh, iaitu **neoliberalisme**.

Neoliberalisme adalah satu **fahaman fundamentalis kapitalis pasaran bebas**, yang berpegang kuat pada kepercayaan bahawa pasaran bebas adalah mekanisme yang terbaik dalam menguruskan ekonomi. Fahaman neoliberal mendesak supaya mengurangkan kawalan/campurtangan kerajaan dalam kegiatan ekonomi kapitalis dan juga "hak harta" golongan korporat. Neoliberalisme mengajukan idea "kebebasan ekonomi" (iaitu "kebebasan" bagi kapitalis dan korporat untuk mengaut keuntungan tanpa apa-apa sekatan).

Walaupun membantah kuat campurtangan kerajaan dalam ekonomi, secara paradoksnya, neoliberalisme menyokong penggunaan cara-cara politik oleh kerajaan untuk membuka pasaran luar negara demi pelaburan kapitalis. Cara-cara politik yang dimaksudkan sini termasuklah tekanan ekonomi, taktik diplomasi, sokongan kewangan kepada elit politik tempatan dan operasi ketenteraan. Pembukaan pasaran luar negara untuk kapitalis, bermakna pengwujudan perdagangan bebas dan pembahagian kerja secara antarabangsa.

## Pelopor ekonomi neoliberal

Negara Chile merupakan negara yang pertama menjalankan eksperimen aplikasi dasar ekonomi neoliberal, apabila Augusto Pinochet (1915-2006) melakukan rampasan kuasa secara kekerasan untuk menjatuhkan kerajaan demokratik pimpinan Salvador Allende (1908-1973) dengan sokongan Agensi Perisikan Pusat Amerika Syarikat (CIA), pada tahun 1973. Kerajaan diktator ketenteraan Pinochet yang memerintah secara kejam, telah melaksanakan dasar ekonomi neoliberal yang dibawa oleh ahli-ahli ekonomi yang dikenali sebagai "Chicago Boys" (di mana kebanyakan mereka mendapat latihan dari Jabatan Ekonomi di University of Chicago), dan diwar-warkan sebagai "Keajaiban Chile".

Pemikir utama yang membentuk teori-teori dalam fahaman ekonomi neoliberal adalah Friedrich von Hayek (1899-1992) dan Milton Friedman (1912-2006). Penggerak dan pelaksana utama dasar ekonomi neoliberal pada tahun 1980-an adalah Margaret Thatcher (1925-2013), Perdana Menteri Britain yang berkuasa dari tahun 1979 hingga 1990, dan

# Neoliberalisme

Ronald Reagan (1911-2004), Presiden Amerika Syarikat dari 1981 hingga 1989. Thatcher selalu melaungkan slogan "Tiadanya alternatif!" (*There is no alternative*, dengan singkatan TINA), untuk menegaskan bahawa tiada alternatif untuk ekonomi neoliberal, di mana pasaran bebas, perdagangan bebas dan globalisasi kapitalis adalah satu-satu caranya untuk masyarakat moden membangun.

Media arus perdana menggelarkan era perluasan fahaman ekonomi neoliberal ke seluruh dunia sebagai era "globalisasi", sedangkan proses globalisasi ekonomi kapitalis telah pun disempurnakan oleh perluasan imperialis pada penghujung abad ke-19. Apa yang berlaku dalam era "globalisasi" selepas tahun 1970-an, adalah pusingan terbaru perluasan penguasaan kapitalis monopoli antarabangsa melalui dasar ekonomi neoliberal.

## Tunjang ekonomi neoliberal

Tunjang untuk ekonomi neoliberal yang dibawa ke seluruh dunia melalui proses globalisasi adalah:

- a. **Liberalisasi:** membuka pasaran tempatan kepada kemasukan modal asing untuk melabur dalam pelbagai sektor (dengan motif memaksimumkan keuntungan), mengurangkan tarif import untuk membolehkan lebih barangan daripada korporat transnasional dapat menembusi pasaran tempatan.
- b. **Penswastaan:** menswastakan syarikat milik kerajaan dan perkhidmatan awam supaya dijadikan komoditi yang boleh mendatangkan keuntungan untuk korporat besar.
- c. **Penyahkawalseliam:** menghapuskan segala peraturan dan undang-undang yang menghalang korporat untuk mengaut keuntungan.

Dasar-dasar ekonomi neoliberal dipaksakan oleh korporat transnasional dan kerajaan kapitalis Barat ke atas negara-negara yang lain melalui institusi antarabangsa seperti Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan sebagainya. Negara yang menerima bantuan kewangan daripada institusi kewangan antarabangsa seperti IMF dan Bank Dunia, dikenakan syarat untuk melaksanakan "Program Pengubahsuaian Struktur", iaitu dasar-dasar yang berasaskan fahaman ekonomi neoliberal. Dasar-dasar ekonomi ini biasanya digelar sebagai "Konsensus Washington".

## Konsensus Washington

Konsensus Washington merupakan satu set panduan dasar ekonomi yang ditetapkan oleh IMF, Bank Dunia dan Jabatan Kewangan Amerika, di mana ibu pejabat untuk ketiga-tiga badan ini terletak di Washington D.C., Amerika Syarikat. Preskripsi dasar ekonomi ini terdiri daripada pakej reformasi ekonomi yang "standard", yang dipaksakan ke atas negara-negara sedang membangun yang menghadapi krisis ekonomi. Preskripsi ini meliputi

dasar-dasar yang berkaitan dengan penstabilan makroekonomi, pembukaan ekonomi untuk perdagangan dan pelaburan asing, serta pengembangan kuasa pasaran dalam ekonomi domestik. Dasar-dasar ekonomi Konsensus Washington termasuklah:

- i. Disiplin dasar fiskal, untuk mengelak daripada desifit fiskal yang besar berbanding keluaran dalam negara kasar (GDP). (Dasar fiskal adalah penggunaan pendapatan yang dikutip oleh kerajaan dan perbelanjaan awam untuk mempengaruhi ekonomi.)
- ii. Mengalihkan perbelanjaan awam daripada subsidi kepada peruntukan untuk perkhidmatan yang pro-pertumbuhan dan "promiskin", seperti pendidikan rendah, penjagaan kesihatan asas dan pelaburan dalam infrastruktur. (Nampaknya ini satu-satunya dasar yang lebih masuk akal.)
- iii. "Pembaharuan" sistem cukai, dengan memperluaskan asas cukai (iaitu memaksa lebih ramai orang termasuk golongan pendapatan rendah untuk membayar cukai) dan mengenakan kadar cukai (ke atas orang kaya) pada tahap sederhana rendah.
- iv. Kadar faedah ditentukan oleh pasaran.
- v. Kadar pertukaran matawang yang "berdaya saing", matawang diturunkan nilai untuk merangsang eksport.
- vi. Liberalisasi perdagangan, iaitu membuka pasaran kepada barangan import, mengurangkan tarif import dan eksport.
- vii. Liberalisasi terhadap pelaburan asing yang masuk ke negara.
- viii. Penswastaan syarikat kerajaan.
- ix. Penyahkawalseliam, iaitu menghapuskan peraturan yang menghalang kemasukan dalam pasaran atau menyekat persaingan.
- x. Perlindungan undang-undang untuk hak harta golongan kapitalis dan korporat.

Fahaman ekonomi neoliberal juga diperluaskan dan dipaksakan ke atas negara-negara sedang membangun melalui **perjanjian perdagangan bebas (FTA)**, di mana perjanjian-perjanjian sebegini bukan sahaja berkenaan dengan pengurangan tarif untuk membolehkan peredaran komoditi, malah juga menekankan pada "hak pelabur" di sesuatu negara. FTA dibuat secara dua hala antara negara yang terlibat, tetapi ada juga perjanjian perdagangan bebas yang multilateral atau pelbagai hala, seperti Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

## Pasaran bebas itu Tuhan Neoliberalisme

Fahaman ekonomi neoliberal mengagung-agungkan pasaran bebas yang tanpa apa-apa sekatan. Demi meningkatkan "efisiensi" syarikat korporat, neoliberalisme menentang dasar-dasar yang melindungi pekerja seperti gaji minimum, hak untuk perundingan kolektif dan sebagainya.

Kesan ekonomi neoliberal amat teruk untuk majoriti rakyat di negara-negara

sedang membangun, dan juga kelas pekerja di negara-negara maju. Antara kesan-kesannya termasuklah pengangguran yang kronik, gaji pekerja ditekan pada tahap yang rendah, kehancuran ekonomi tempatan (seperti sektor pertanian kecil dan industri setempat), kos hidup yang semakin meningkat (akibat daripada pengurangan subsidi dan kenaikan bayaran selepas penswastaan), ancaman pencemaran alam sekitar, kekurangan perlindungan sosial, hak asasi rakyat digadaikan menjadi komoditi yang diniagakan semata-mata untuk keuntungan korporat, dan juga jurang kekayaan semakin melebar.

Penganut fahaman neoliberal mengatakan bahawa pasaran bebas adalah asas untuk pembangunan masyarakat dan sistem demokrasi. Mereka mempromosikan "kerajaan kecil, pasaran besar". Namun, pada hakikatnya, semua negara maju sekarang ini mengamalkan dasar melindungi ekonomi sendiri (*protectionism*) pada awal perkembangan ekonomi kapitalis di samping melakukan pengumpulan primitif dengan cara kekerasan (seperti penaklukan ketenteraan, penjajahan, perdagangan hamba dan sebagainya). Apabila negara-negara kapitalis itu menjadi kuasa besar, mereka pula memaksa negara-negara kurang maju untuk membangunkan ekonomi dengan menggunakan perdagangan bebas dan pasaran bebas, sedangkan persaingan memang sangat tidak adil. Tambahan pula, kerajaan negara kapitalis yang maju pun bukannya "kecil", malah mempunyai kekuatan ketenteraan yang hebat (seperti Amerika Syarikat) yang boleh dikerahkan bila-bila masa untuk melindungi kepentingan kapitalis-kapitalis dari negaranya di seluruh dunia.

Dasar ekonomi neoliberal yang dipaksakan ke atas negara-negara sedang membangun juga merupakan suatu usaha pembahagian kerja di peringkat antarabangsa, di mana negara-negara kurang membangun dikekalkan keadaannya yang kurang membangun dengan ekonomi berorientasikan eksport. Negara-negara kurang membangun terus dijajah secara ekonomi oleh pelaburan asing yang berasal dari negara maju.

Finansialisasi ekonomi di peringkat global telah memaksakan hutang ke atas negara-negara sedang membangun, membawa kepada satu bentuk penjajahan baru, iaitu penjajahan dengan hutang. Negara-negara yang berhutang kepada institusi kewangan antarabangsa terpaksa akur pada segala kehendak kapitalis multinasional yang sentiasa mencari jalan untuk memaksimumkan keuntungan.

Kapitalis besar di peringkat antarabangsa melakukan perlumbaan ke bawah (*race to the bottom*) untuk mendapatkan tenaga buruh yang murah, bahan mentah dan pasaran baru. Ini dilakukan dengan memaksa negara-negara sedang membangun membuka pasaran mereka kepada kapitalis besar ini. Untuk mengekalkan "daya saing" di pasaran dunia, negara-negara sedang membangun akan sentiasa berada pada tahap "sedang membangun" dengan menekan gaji pekerja pada tahap yang rendah, kekurangan dalam perlindungan pekerja dan pelbagai insentif untuk pelabur asing yang bermotifkan keuntungan semata-mata.

(sambung di m/s 13)



# Skim Insurans Pekerjaan ditangguh Kerajaan nak buat U-turn lagi?

(Berikut ialah kenyataan yang dikeluarkan oleh M. Sivarajani, Ketua Biro Pekerja PSM, pada 8 Ogos lalu, berkenaan dengan keputusan Kabinet menangguhkan bacaan kedua RUU Sistem Insurans Pekerjaan, dan juga beberapa kritikan terhadap RUU Skim Insurans Pekerjaan yang telah dibentangkan untuk bacaan pertama baru-baru ini.)

Parti Sosialis Malaysia (PSM) amat kecewa apabila mendapat tahu bahawa Perdana Menteri dan Kabinet telah menangguhkan pembentangan Rang Undang-undang (RUU) Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) untuk bacaan kedua yang dijadualkan pada 7 Ogos 2017 setelah menerima tekanan daripada majikan dan mungkin juga menteri-menteri kabinet yang menjadi jurucakap kepada majikan.

## Kerajaan tidak seharusnya tunduk pada tekanan golongan majikan

Sejak awal lagi, apabila idea untuk membawa Skim Insurans Pekerja dikemukakan, pihak Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) telah menyuarakan bantahan mereka dengan hujah bahawa SIP tidak perlu. Mereka berpendapat bahawa bilangan orang yang dibuang kerja tidak ramai, dan mungkin satu skim simpanan di bawah KWSP sudah cukup untuk menangani masalah ini.

MEF dan FMM pada dasarnya membantah skim ini, kerana ianya dikatakan akan menaikkan kos mereka, justeru mengurangkan peratus keuntungan tahunan.

Pihak majikan juga telah cuba melobi untuk memansuhkan pembayaran faedah pemberhentian kerja seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980, Akta Kerja 1955, jika SIP ini diperkenalkan. Maka, hasrat persatuan majikan amatlah jelas bahawa mereka amat sensitif apabila SIP akan mengurangkan kadar keuntungan.

Jika majikan-majikan ini memang ikhlas mengenai isu pengurangan kos perniagaan, maka mereka juga harus melihat kepada kadar gaji, bonus, dan pengurusan tertinggi mereka, ataupun kadar dividen yang diberikan kepada pemegang saham syarikat setiap tahun.

Kerajaan sebagai pembela hak rakyat pekerja, tidak harus tunduk kepada tekanan majikan dan menyempurnakan tanggungjawab sosialnya dengan memastikan SIP ini dilaksanakan.

## Penangguhan menyebabkan lebih ramai yang tidak akan menjadi benefisiari

Sepertimana diketahui, pemberhentian



pekerja menjadi fenomena serius kini. Apabila kita rujuk pada statistik kerajaan, lebih 38 ribu pekerja hilang kerja pada 2015, lebih 40 ribu hilang kerja pada tahun 2016 dan MEF sendiri meramalkan lebih 50 ribu kemungkinan akan hilang kerja dalam tahun ini. Apakah perlindungan yang ada pada mereka sekarang, sekurang-kurangnya menyara hidup sehingga mendapat kerja lain?

SIP ini telah dibincang panjang lebar sejak tahun 2009 dan setelah beberapa janji, akhirnya dibawa ke sesi Parlimen kali ini. Sebelum ini, dalam sesi Parlimen yang lepas, Menteri Sumber Manusia sendiri berjumpa dengan wakil-wakil PSM dan berjanji bahawa SIP akan diluluskan pada sesi Parlimen bulan Julai diikuti dengan pelaksanaan pada tahun 2018. Tetapi, sekarang ini Kerajaan telah buat "U-turn", dan dikatakan akan dibentangkan di sesi Parlimen bulan Oktober pula. Kami percaya bahawa ini akan menjadi satu lagi wayang.

Hampir 19 tahun PSM menuntut perlindungan untuk pekerja yang hilang kerja. PSM sedang berkempen untuk membawa Tabung Pemberhentian Kerja yang fungsinya lebih kurang sama dengan SIP untuk pekerja yang hilang kerja secara tiba-tiba akibat syarikat bankrap, syarikat pindah ke negara lain dan syarikat yang membuat pengurangan pekerja. Satu kempen jelajah ke seluruh Malaysia juga telah diadakan untuk mendapat respon pekerja terhadap tuntutan ini dan pekerja amat mengalu-alukan undang-undang ini.

## Benarkan debat di Parlimen!

Sekarang ini, kami difahamkan bahawa Kabinet telah memutuskan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa yang dianggotai oleh Wee Ka Siong, Richard Riot, Johari Abdul Ghani dan Paul Low. Jawatankuasa ini akan berjumpa dengan pelbagai organisasi untuk mendapatkan maklumbalas mengenai SIP ini.

Kami berpendapat bahawa RUU SIP harus dibenarkan untuk bacaan

golongan pekerja yang hilang sejumlah besar pampasan mereka kerana syarikat bankrap.

4. RUU SIP juga memberi kuasa untuk melantik ejen bagi mengutip caruman. Pada masa sekarang, PERKESO sudahpun ada sistem pengumpulan caruman daripada majikan tanpa ejen. Apakah keperluan ejen untuk mengumpul caruman?

5. RUU SIP juga tidak jelas menyatakan bagaimana pekerja yang hilang kerja melalui pemangsaan oleh majikan / diduduh salah laku oleh majikan akan mendapat faedah ini. Ini kerana kes di Mahkamah

Perusahaan akan ambil masa panjang, adakalanya pekerja terpaksa menunggu hingga 5 tahun. Bagaimana dengan faedah di bawah SIP kepada pekerja-pekerja sebegini?

6. RUU SIP tidak memberi perlindungan kepada pekerja migran yang juga hilang kerja seiring dengan pekerja tempatan.

## Perlindungan untuk pekerja perlu dilaksanakan segera

Apabila PSM berjumpa dengan wakil Menteri Sumber Manusia, Mohd Hajazy bin Jusoh daripada Bahagian Dasar KSM dan Dr. Ponniah daripada PERKESO pada 2 Ogos lalu di Parlimen, mereka dengan tegasnya memberitahu bahawa bacaan kedua akan dibentangkan pada minggu seterusnya, tetapi telah ditunda untuk kajian lebih lanjut sekarang ini.

PSM dengan tegasnya menyatakan bahawa RUU SIP perlu diluluskan dengan segera agar pelaksanaannya dapat bermula pada 1 Januari 2018.

PSM amat berharap warga pekerja akan dilindungi oleh SIP ini mulai bulan Januari 2018. Jika ianya ditangguh lagi, lebih ramai pekerja yang kehilangan kerja akan ketinggalan.

Cara terbaik untuk memperbaiki dan mempercepatkan pelaksanaan SIP adalah membenarkan bacaan kedua didebatkan di Parlimen dan mengambilkira pandangan yang membina. Membatalkan bacaan kedua adalah seolah-olah satu langkah tunduk pada kehendak majikan dan menteri-menteri yang pro-majikan dalam Kabinet. ##

kedua dan didebatkan di Parlimen. Selepas kelulusan RUU ini, Kerajaan masih boleh memperbaikinya pada masa akan datang. Ini kerana PSM juga berpendirian bahawa beberapa pindaan perlu dilakukan terhadap RUU ini.

Antara isu-isu yang masih boleh diperbaiki adalah seperti berikut:

1. SIP sepatutnya memberi perlindungan kepada semua pekerja yang mengalami kehilangan kerja secara tanpa syarat, dan penerimaan faedah ini harus bermula dari hari pertama pekerja mula mencarum kepada tabung ini. Tetapi, RUU SIP mempunyai syarat-syarat berikut:
  - i) Bilangan bulan caruman minimum 12 bulan, baru seseorang pekerja layak untuk mendapat perlindungan.
  - ii) Bilangan bulan menerima elaun adalah berbeza. Tempoh penerimaan faedah selama 6 bulan itu tidak tetap, dan ia bergantung kepada jumlah caruman. Contohnya, pekerja yang mencarum 12 hingga 15 bulan, hanya layak menerima elaun cari kerja untuk 3 bulan sahaja.
  - iii) Kadar penerimaan elaun berkurangan sehingga 6 bulan, iaitu, bulan pertama 80%, bulan kedua 50%, bulan ketiga dan keempat 40%, dan bulan kelima dan keenam adalah 30%.

2. Pekerja-pekerja kontrak akan dikecualikan daripada faedah mengikut RUU SIP sekarang. Kini, kebanyakan pekerja bekerja di bawah kontrak tetap, 3 tahun terutamanya untuk pekerja bawahan seperti pekerja keselamatan, pekerja pembersihan sekolah dan lain-lain. Ini adalah satu golongan yang besar yang akan carum kepada SIP tetapi tidak akan mendapat manfaatnya.

3. Statistik kerajaan menyatakan bahawa satu per tiga pekerja yang hilang kerja akibat syarikat bankrap tidak menerima faedah pemberhentian kerja. RUU SIP tidak menyatakan bagaimana dengan bayaran ini, dan RUU SIP harus mengambilkira

